

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS
2024

HARI KHAMIS : 21 NOVEMBER 2024

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO. 9 HINGGA NO. 41)**

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM
[SUNGAI SIPUT]**

TARIKH : 21 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

**TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM [SUNGAI SIPUT] minta
MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**
menyatakan bagaimanakah MOSTI menyokong ekosistem pendidikan
STEM untuk menjadikan subjek STEM lebih menarik agar dapat menarik
minat lebih ramai pelajar menceburi dalam bidang STEM.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Usaha menyemarakkan minat dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) dalam kalangan generasi muda merupakan kunci utama kepada pembangunan bakat sains, teknologi dan inovasi (STI) negara yang adaptif, berpengetahuan dan berkemahiran tinggi. Sebagai langkah proaktif, MOSTI menetapkan 'Pemeriksaan STEM' sebagai satu daripada agenda utama Kementerian bagi tahun 2024 dan komited untuk melaksanakan pelbagai intervensi strategik yang bertujuan untuk memperkukuhkan dan memajukan bidang STEM di Malaysia.
2. Salah satu daripada intervensi yang sedang giat dilaksanakan menerusi bahagian, jabatan, dan agensi di bawah MOSTI adalah program-program pembudayaan yang merupakan sebahagian daripada inisiatif induk yang dikenali sebagai Program SciTech4U. Program-program tersebut dirancang secara khusus untuk memupuk, meningkat dan memperkasakan kesedaran serta minat terhadap bidang STI di kalangan pelbagai lapisan masyarakat. Ini termasuk pelajar, belia, masyarakat umum, serta pelbagai pihak berkepentingan yang terlibat dalam bidang STI dan pendidikan STEM.
3. Program-program tersebut juga melibatkan aktiviti pembelajaran secara bukan formal dan di luar bilik darjah, yang dirancang sebagai pelengkap kepada kurikulum yang telah disusun oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Penekanan juga diberikan kepada pendekatan pembelajaran lebih interaktif, praktikal, dan demonstratif,

yang diharapkan dapat meningkatkan penglibatan dan pemahaman peserta terhadap konsep-konsep STEM dengan lebih mendalam.

4. Secara umum, program-program pembudayaan STI di bawah SciTech4U melibatkan beberapa kategori, iaitu program perdana seperti Minggu Sains Negara dan Malaysia Techlympics. Seterusnya program-program lain yang dijalankan secara bersepadu dengan jabatan, agensi atau pihak lain, seperti *STEM Camp* MOSTI, Program di Pusat Sains Negara (XPORIA Sains, Kembara Sains Borneo, School's Out Kids In (SOKI), Special Science Day (SSD)), Program di Planetarium Negara (Mars Challenge, Space Insight, Kejohanan Roket Kebangsaan, National Space Challenge), dan program-program di jabatan dan agensi yang lain.
5. Di samping itu, program berasaskan perkhidmatan STI melalui platform media dan maya seperti [Google StreetView Planetarium Negara](#), galeri pameran maya [Srikandi Angkasa](#), aktiviti eksplorasi angkasa livestreaming fenomena gerhana di [YouTube](#) juga turut disediakan.
6. Saya juga amat berbesar hati untuk memaklumkan bahawa MOSTI telah berjaya menghimpunkan seramai 100 orang saintis yang komited dan dipadankan dengan 100 sekolah di bawah Program STI 100³ sebagaimana yang telah dihasratkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk melihat kesan positif daripada penglibatan saintis tempatan di sekolah-sekolah terutamanya kawasan pinggir bandar, luar bandar, kawasan pendalaman dan terpencil. Kitaran 1 program tersebut telah mula dilaksanakan sejak

NO SOALAN : 9

bulan September 2024 dan dijadualkan berlanjutan hingga akhir bulan Disember 2024 di seluruh negara.

7. Pelaksanaan tersebut melibatkan kerjasama erat antara pelbagai pihak, termasuk kementerian, agensi, jabatan, institusi pengajian tinggi awam dan swasta, serta syarikat-syarikat swasta. Program tersebut membuka ruangan kepada para saintis bagi terlibat secara aktif dalam aktiviti pembudayaan STI bersama pelajar dan belia secara berkala berdasarkan kepakaran masing-masing, dengan sasaran sekurang-kurangnya sekali sebulan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN RUSHDAN BIN RUSMI
[PADANG BESAR]**

TARIKH : 21 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN RUSHDAN BIN RUSMI [PADANG BESAR] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah terdapat peluang kolaborasi di antara Kementerian dengan Kerajaan negeri bagi memacu bidang keusahawanan sosial terutama di kawasan sempadan Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) mengalu-alukan peluang kolaborasi bersama kerajaan negeri dalam menganjurkan program berkaitan keusahawanan sosial. Bagi tujuan ini, KUSKOP bersedia untuk memberi taklimat pengenalan mengenai keusahawanan sosial, klinik penarafan perusahaan sosial serta berkongsi maklumat perusahaan sosial yang telah mendapat penarafan daripada KUSKOP bagi tujuan memperluaskan impak positif yang boleh dihasilkan.

2. Dalam hubungan ini, KUSKOP telah membangunkan Rangka Tindakan Keusahawanan Sosial Malaysia 2030 (SEMy2030) yang menjadi asas dalam menyediakan landasan strategik bagi pembangunan keusahawanan sosial negara. Fasa 1 pelaksanaan SEMy2030 ini memberikan fokus kepada memperkukuh ekosistem keusahawanan sosial melibatkan kolaborasi dengan kerajaan negeri. Antara program dan inisiatif yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) Sesi Sembang Santai mengenai perusahaan sosial di Common Ground Iskandar Puteri anjuran Iskandar Investment Berhad. Program ini merupakan sesi perkongsian mengenai perusahaan sosial yang melibatkan taklimat, forum perbincangan dan klinik pendaftaran oleh KUSKOP, wakil industri dan kerajaan negeri;
- (ii) *Penang Social Entrepreneurship Forum 2023* anjuran Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang melibatkan sesi perkongsian maklumat daripada KUSKOP dan perusahaan sosial serta sesi forum perbincangan daripada usahawan sosial dari Pulau Pinang;
- (iii) Hari Perusahaan Sosial 2024 anjuran KUSKOP di Asia School of Business, Kuala Lumpur melibatkan penyertaan

NO SOALAN : 10

daripada seluruh negeri di Malaysia yang merangkumi Perusahaan Sosial, agensi kerajaan, usahawan, pelajar universiti, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), institusi kewangan, syarikat korporat dan orang awam. Antara pengisian yang dilaksanakan semasa program tersebut adalah forum mengenai ekosistem keusahawanan sosial di Malaysia, sesi perkongsian kisah kejayaan perusahaan sosial, taklimat dan klinik penarafan perusahaan sosial serta jualan *Buy Social* oleh 50 perusahaan sosial. Sambutan Hari Perusahaan Sosial ini akan diadakan pada setiap tahun bagi meningkatkan keterlihatan keusahawanan sosial di Malaysia.

- (iv) Taklimat dan Klinik Penarafan Perusahaan Sosial 2024 anjuran Sabah *Creative Economy and Innovation Centre* (SCENIC) yang merupakan sesi pengenalan mengenai perusahaan sosial, maklumat penarafan serta perkongsian maklumat ekosistem pembangunan perusahaan sosial bersama komuniti perusahaan sosial di Sabah; dan

- (v) *Social Enterprise Malaysia Amplifying Impact* (SEMAI SUMMIT SABAH) anjuran Sabah *Creative Economy and Innovation Centre* (SCENIC) yang merupakan satu platform kepada perusahaan sosial mempamerkan produk dan perkhidmatan serta memberi ruang berkolaborasi dengan pihak berkepentingan dalam ekosistem keusahawanan sosial.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM
[PASIR GUDANG]**

TARIKH : 21 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM [PASIR GUDANG] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan langkah Kerajaan untuk mengawal harga bahan binaan daripada terus melambung supaya agensi Kerajaan boleh membina rumah untuk rakyat golongan B40 pada harga di bawah RM100,000.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011, (Akta 723) yang dikawal selia oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) memperuntukkan mana-mana peniaga dilarang dari membuat keuntungan tinggi yang tidak munasabah (mencatut) semasa membuat penetapan harga jualan dan caj perkhidmatan atau semasa menentukan keuntungan. Dalam hal ini, KPDN tidak menetapkan atau mengawal harga mana-mana bahan binaan bagi mewujudkan persaingan yang lebih kompetitif dalam kalangan pemain industri pembinaan.

Walau bagaimanapun, di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122) menyenaraikan 2 bahan binaan iaitu simen dan bar bulat keluli lembut sebagai barang kawalan berjadual bertujuan untuk memastikan keberadaan bekalan barangan tersebut di pasaran. Pihak pengilang dan pemborong adalah dilesenkan di bawah akta tersebut dan KPDN menetapkan syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh mana-mana pengilang dan pemborong bagi memastikan bekalan bahan ini sentiasa mencukupi dan mengelakkan sebarang unsur penyelewengan dari berlaku.

Pada masa yang sama, KPDN akan meneruskan penguatkuasaan dalam aspek mengekang gejala anti persaingan dalam pasaran termasuk elemen kartel dalam bentuk pakatan harga oleh mana-mana pihak.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' WIRA DR. KU ABD RAHMAN
BIN KU ISMAIL
[KUBANG PASU]

TARIKH : 21 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' WIRA DR. KU ABD RAHMAN BIN KU ISMAIL [KUBANG PASU]
minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan:

- a) pendirian Malaysia tentang tuntutan negara China terhadap Kawasan *Nine Dash line* yang termasuk dalam Zon Ekonomi Eksklusif Malaysia seperti yang diiktiraf oleh UNCLOS, 1982; dan
- b) apakah yang akan dilakukan oleh Malaysia untuk menunjukkan 'kehadiran'nya di ZEE Laut China Selatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Kubang Pasu** atas pertanyaan yang dikemukakan, dan di atas keprihatinan yang diberikan terhadap isu-isu di bawah seliaan Kementerian Luar Negeri, seperti isu-isu yang berkaitan dengan Laut China Selatan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Malaysia tidak pernah mengiktiraf tuntutan China di Laut China Selatan, berdasarkan Peta 9-Garis, atau dengan izin, *Nine Dash Line map*, konsep Empat-Sha, atau dengan izin, *Four Sha concept* atau mana-mana peta yang diterbitkan oleh Kerajaan Republik Rakyat China, yang meliputi kawasan maritim Malaysia.

3. Kerajaan Malaysia tegas menolak tuntutan kedaulatan, hak kedaulatan dan bidang kuasa China ke atas fitur maritim atau kawasan maritim di Laut China Selatan, yang meliputi kawasan maritim Malaysia berdasarkan Peta Baru Malaysia 1979 kerana ia tidak konsisten dengan undang-undang antarabangsa, termasuk Konvensyen Undang-Undang Laut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 1982 (KUUL 1982).

4. Pendirian Malaysia berhubung isu di Laut China Selatan adalah jelas dan konsisten. Semua pertikaian dan penyelesaian isu-isu berhubung Laut China Selatan hendaklah berdasarkan undang-undang antarabangsa termasuklah Konvensyen Undang-Undang Laut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 1982, atau dengan izin, *United Nations Convention on the Law of the Sea 1982* (UNCLOS 1982).

5. Kerajaan Malaysia menerusi Majlis Keselamatan Negara (MKN), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) sentiasa memberikan perhatian serius terhadap keselamatan di kawasan perairan negara. Tindakan-tindakan yang diambil termasuklah rondaan, pengawasan, pemantauan dan penguatkuasaan di dalam kawasan maritim Malaysia bagi mempamerkan

kehadiran, dengan izin, *show of presence*, di kawasan tersebut. Semua agensi penguatkuasa dan pemantauan maritim di negara amat komited dalam memastikan kedaulatan, hak kedaulatan dan kepentingan Malaysia adalah kekal terpelihara.

6. Di dalam konteks pengendalian isu Laut China Selatan, saya ingin menegaskan bahawa kedaulatan dan kepentingan negara sentiasa dijadikan teras utama di dalam setiap tindakan yang diambil. Sepertimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, isu berkaitan Laut China Selatan merupakan isu yang kompleks dan sensitif. Oleh yang demikian, isu ini perlu dikendalikan secara berhati-hati, teliti dan menyeluruh. Setiap tindakan yang diambil oleh Kerajaan adalah berdasarkan pertimbangan yang komprehensif dan tidak sesekali akan memprejudiskan kedaulatan, hak kedaulatan dan kepentingan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN [RASAH]

TARIKH : 21 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN CHA KEE CHIN [RASAH] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jenis bantuan daripada Kementerian kepada golongan orang kurang upaya (OKU) khususnya golongan autistik dan sejauh manakah bantuan-bantuan yang diberikan dapat memenuhi keperluan hidup mereka dan apakah ada rancangan untuk menambahkan jenis bantuan termasuk mencari kerja kepada golongan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagai sokongan kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU) termasuklah OKU autisme yang memenuhi syarat kelayakan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) ada menyediakan bantuan dan perkhidmatan seperti berikut:

- (i) Subsidi Yuran Pengasuhan Taska;
- (ii) Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB);
- (iii) Bantuan Penjagaan OKU/Pesakit Kronik Terlantar (BPT);
- (iv) Bantuan Am (BA) Negeri;
- (v) Geran Pelancaran; dan
- (vi) Bantuan Alat Tiruan / Sokongan.

2. Bagi mewujudkan inisiatif sokongan, Kerajaan melaksanakan pelbagai program untuk meningkatkan kesejahteraan hidup golongan autisme. Antaranya termasuklah:

i. Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)

Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) atau "*Community-Based Rehabilitation*" (CBR) merupakan program latihan bagi orang kurang upaya (OKU) yang ditawarkan oleh kerajaan menerusi kolaborasi strategik JKM dengan Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK). PDK dilaksanakan melalui usaha bersepadu OKU, keluarga, komuniti dan perkhidmatan kesihatan, pendidikan, vokasional dan sosial yang bersesuaian. Sehingga September 2024, seramai 19,907 OKU sedang menerima perkhidmatan (pelatih) di semua 573 buah PDK di seluruh negara. Semua pelatih ini turut menerima elaun sebanyak RM300 sebulan.

ii. Perkhidmatan Institusi

Pada masa ini, terdapat 10 buah institusi OKU kendalian JKM di seluruh negara iaitu:

- (a) Tujuh (7) daripadanya ialah Taman Sinar Harapan iaitu institusi yang memberi penjagaan, perlindungan dan pemulihan kepada kanak-kanak OKU kategori pembelajaran termasuk autism;
- (b) dua (2) Bengkel Daya yang memberi peluang pekerjaan kepada OKU masalah pembelajaran termasuk autisme yang tidak dapat bersaing di dalam pasaran luar; dan
- (c) satu (1) Pusat Latihan Pemulihan dan Perindustrian (PLPP) yang memberi latihan kepada OKU termasuk autisme bagi menyediakan mereka untuk bersaing di pasaran kerja.

Kemasukan ke kesemua institusi JKM ini adalah percuma.

iii. Perkhidmatan TASKA OKU

Kerajaan telah menjalinkan kerjasama dengan PSK untuk mengoperasikan 11 buah TASKA OKU bagi 6 kategori kanak-kanak OKU yang merangkumi Sindrom Down, Autisme, Penglihatan, Pendengaran, Fizikal dan Masalah Pembelajaran. Kanak-kanak di TASKA OKU ini juga diberikan yuran subsidi sebanyak RM180 sebulan.

3. Pada masa ini, dua (2) buah pusat intervensi awal autisme sedang beroperasi di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu Pusat PERMATA Kurnia, Kuala Lumpur dan Pusat Pendidikan Awal Kanak-Kanak Integrasi PERMATA, Putrajaya.

4. Kerajaan melalui Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU) memainkan peranan untuk menasihati semua pihak termasuk agensi kerajaan dalam perkara-perkara berkaitan pembangunan dan kebajikan golongan OKU. Ini adalah selaras dengan Seksyen 29(1) Akta Orang Kurang Upaya 2008 yang memperuntukan orang kurang upaya (OKU) hendaklah mempunyai hak untuk akses kepada pekerjaan atas asas kesetaraan dengan orang upaya.

5. Berdasarkan fungsi dan peranan ini, sebanyak enam jawatankuasa telah ditubuhkan untuk membantu Majlis dalam memainkan peranan dan fungsinya dalam membangunkan OKU di negara ini. Salah satu daripada Jawatankuasa ini adalah Jawatankuasa Pekerjaan yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia (KESUMA). Jawatankuasa ini memberi tumpuan khusus kepada isu yang berkaitan pekerjaan kepada OKU. Ia turut menjalankan program seperti pendaftaran dan penempatan OKU di sektor swasta, penempatan satu peratus warga OKU dalam sektor awam, serta menjalankan promosi penggalakkan penggajian OKU.

6. KESUMA melalui *Human Resource Development Corporation* (HRD Corp) telah mengadakan Program OKU *Talent Enhancement* (Skim OTEP) yang dikelolakan di bawah Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRDF). Skim ini menawarkan bantuan kewangan kepada majikan yang menyediakan program latihan yang bersesuaian kepada OKU untuk memperolehi pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk membolehkan mereka memasuki alam pekerjaan.

7. Kerjasama antara kementerian dan agensi yang berkaitan, sama ada Kerajaan Persekutuan mahupun Negeri, pihak NGO serta organisasi swasta adalah diperlukan untuk memberikan hasil terbaik secara keseluruhan dalam menyediakan perkhidmatan dan bantuan kepada OKU autistik di negara kita.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHD SYAHIR BIN CHE
SULAIMAN
[BACHOK]**

TARIKH : 21 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

**TUAN HAJI MOHD SYAHIR BIN CHE SULAIMAN [BACHOK] minta
PERDANA MENTERI menyatakan :**

- (a) statistik terkini jumlah bilangan isi rumah miskin tegar mengikut negeri, kategori isi rumah serta pecahan kaum sehingga Oktober 2024; dan
- (b) sejauh manakah pelarasan telah dibuat antara sistem PADU dengan pemutihan data e-Kasih di bawah JPM.

JAWAPAN**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Oktober 2024 terdapat seramai 7,308 Ketua Isi Rumah (KIR) Miskin Tegar melibatkan 25,144 Ahli Isi Rumah (AIR) dengan jumlah keseluruhan 32,452 orang. Statistik terkini jumlah bilangan isi rumah miskin tegar mengikut negeri, kategori isi rumah serta pecahan kaum sehingga Oktober 2024 adalah seperti berikut:

NEGERI	KATEGORI ISI RUMAH		JUMLAH KESELURUHAN
	KIR	AIR	
JOHOR	513	1,330	1,843
KEDAH	1,290	5,303	6,593
KELANTAN	401	2,044	2,445
MELAKA	0	0	0
N.SEMBILAN	0	0	0
PAHANG	173	641	814
PERAK	98	453	551
PERLIS	1	4	5
P.PINANG	1,650	4,994	6,644
SABAH	406	1,528	1,934
SARAWAK	1,393	4,530	5,923
SELANGOR	190	822	1,012
TERENGGANU	120	518	638
WP KL	995	2,581	3,576
WP LABUAN	78	396	474
WP PUTRAJAYA	0	0	0
JUMLAH	7,308	25,144	32,452

NO SOALAN : 14

NEGERI	MELAYU		CINA		INDIA		BUMIPUTERA		ORANG ASLI		LAIN-LAIN		JUMLAH	
	KIR	AIR	KIR	AIR	KIR	AIR	KIR	AIR	KIR	AIR	KIR	AIR	KIR	AIR
JOHOR	415	1,100	25	38	69	169	3	20	1	3	0	0	513	1,330
KEDAH	1,194	4,991	24	50	56	197	1	5	3	17	12	43	1,290	5,303
KELANTAN	399	2,035	1	7	1	2	0	0	0	0	0	0	401	2,044
MELAKA	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
N.SEMBILAN	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
PAHANG	156	578	9	17	8	46	0	0	0	0	0	0	173	641
PERAK	73	337	3	11	22	105	0	0	0	0	0	0	98	453
PERLIS	1	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	4
P.PINANG	1,085	3,912	245	254	316	818	2	9	0	0	2	1	1,650	4,994
SABAH	15	59	2	4	2	4	350	1,296	0	0	37	165	406	1,528
SARAWAK	261	991	46	135	2	2	1,058	3,314	0	0	26	88	1,393	4,530
SELANGOR	112	547	13	19	63	246	2	10	0	0	0	0	190	822
TERENGGANU	120	518	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	120	518
WP KL	684	2,066	116	110	178	328	14	68	0	0	3	9	995	2,581
WP LABUAN	8	34	1	1	0	0	50	270	0	0	19	91	78	396
WP PUTRAJAYA	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
JUMLAH	4,523	17,172	485	646	717	1,917	1,480	4,992	4	20	99	397	7,308	25,144

2. Sistem eKasih yang dibangunkan pada tahun 2007 oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) sebagai satu pangkalan data kemiskinan nasional yang bertujuan untuk **mendaftarkan** golongan miskin di Malaysia dan **mengklasifikasikan kategori** golongan miskin di Malaysia sama ada mereka tergolong dalam kalangan “Miskin Tegar dan Miskin”.

3. Data eKasih adalah bersifat dinamik dan sentiasa dikemaskini dari semasa ke semasa dan akan disalurkan kepada agensi pemberi bantuan bagi pelaksanaan program kesejahteraan rakyat. Data yang telah dimasukkan ke dalam Sistem eKasih juga akan dibuat pemutihan sekurang-kurangnya dua (2) tahun sekali.

NO SOALAN : 14

4. Sebagaimana Sistem eKasih disepadukan dengan sistem daripada agensi-agensi lain seperti Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan Pejabat Zakat Negeri. Maka ianya akan turut disepadukan dengan Sistem PADU.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN
[STAMPIN]
TARIKH : 21 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN CHONG CHIENG JEN [STAMPIN] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah skim insentif dan geran yang diperuntukkan di bawah Kementerian dalam Bajet 2025 untuk pembangunan industri pembuatan di Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan melalui Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) dan agensi-agensi di bawahnya sentiasa memberikan penekanan dalam membangunkan industri secara seimbang di seluruh negara, termasuklah industri pembuatan di Sarawak. Melalui **Pelan Induk Perindustrian Baharu (*New Industrial Master Plan - NIMP*) 2030: Misi 4 - Menyelaraskan Pelan Pembangunan Perindustrian Antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri**, Kerajaan akan memanfaatkan kekuatan dan keupayaan tempatan di semua negeri, untuk membangunkan sektor pembuatan berteknologi tinggi secara seimbang.

2. Semasa pembentangan **Belanjawan 2025**, Kerajaan telah mengumumkan **Kerangka Insentif Pelaburan Baharu (*New Investment Incentive Framework*)** yang dijangka akan dilaksanakan pada **suku ketiga 2025**. Kerangka insentif pelaburan baharu ini akan memberi tumpuan kepada **aktiviti bernilai tinggi** dan mengurangkan jurang ekonomi antara wilayah melalui insentif cukai pendapatan pada kadar istimewa bagi pelaburan di negeri **Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu, Sabah** dan **Sarawak**, tertakluk kepada keberhasilan limpahan ekonomi.

3. Selain itu, bagi membantu menyokong ekosistem industri semikonduktor, YAB Perdana Menteri antara lain telah mengumumkan inisiatif-inisiatif berikut:

- i. Memperkemas insentif sedia ada dan mewujudkan insentif bukan cukai baharu, serta mengkaji kebolehlaksanaan Kredit Cukai Pelaburan Strategik;
- ii. Memberi kuasa kepada Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) untuk meluluskan pas pengajian melibatkan graduan bukan warganegara lepasan universiti tempatan bagi

memenuhi keperluan modal insan dalam sektor-sektor penting di bawah NIMP seperti elektrik dan elektronik (E&E); dan

- iii. Menyediakan RM200 juta peruntukan meliputi Dana Pelaburan Bersama Strategik (CoSIF) dan Dana Pembangunan Industri NIMP (NIDF) bagi menyokong pertumbuhan PKS dan syarikat pertengahan, serta menggalakkan pendayaciptaan.

4. Syarikat-syarikat dalam sektor semikonduktor di Sarawak boleh memanfaatkan inisiatif-inisiatif yang telah diumumkan oleh Kerajaan untuk meningkatkan daya saing dalam industri semikonduktor global.

5. Selain itu, antara galakan cukai dan geran yang disediakan oleh Kerajaan persekutuan melalui MIDA untuk industri pembuatan di seluruh negara termasuk pengilang tempatan di Sarawak adalah:

- i. **Galakan Cukai Teknologi Hijau**

Galakan ini telah ditambahbaik dengan pendekatan **sistem tiering** dan tempoh galakan juga dilanjutkan sehingga **31 Disember 2026**. Projek pelaburan yang menggunakan teknologi hijau seperti teknologi **Tenaga Boleh Baharu (TBB)**, **peralatan cekap tenaga** boleh dipertimbangkan galakan ini iaitu Elaun Cukai Pelaburan ke atas perbelanjaan modal bagi aktiviti hijau yang layak.

- ii. **Elaun Modal Automasi (*Automation Capital Allowance – Automation CA*)**

Bagi menggalakkan penggunaan automasi di kalangan syarikat-syarikat di dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan, insentif ini membolehkan syarikat menuntut **sebanyak 200% sehingga RM10 juta** bagi perbelanjaan automasi. Insentif ini telah diperkenalkan melalui Belanjawan 2015 dan **tempoh galakan telah dilanjutkan sehingga tahun 2027**.

iii. **Dana Pemacu Pelaburan Domestik (*Domestic Investment Accelerator Fund – DIAF*) *Environment, Social and Governance (ESG)***

Dana ini adalah khusus bagi membantu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan Syarikat Peringkat Pertengahan (*mid-tier companies - MTC*) mendapatkan persijilan atau verifikasi dalam mengadaptasi elemen ESG dalam operasi syarikat. Dana ini adalah dana padanan (50:50) atau (70:30) bagi perbelanjaan yang layak berkaitan ESG dengan jumlah maksimum RM500,000 bagi setiap syarikat.

6. Selain daripada skim insentif dan geran, Kerajaan juga melaksanakan program dan inisiatif bagi pembangunan industri pembuatan tempatan yang strategik di Sarawak termasuk **geran khas** berjumlah **RM100 juta** bagi tempoh pelaksanaan **2022 hingga 2030**. Geran ini adalah bagi membiayai **perbelanjaan modal** (CAPEX) untuk mesin/peralatan baru, *tooling/jigs/fixtures, first product qualification and approval* serta persijilan/perlesenan khusus yang diperlukan kepada **syarikat - syarikat PKS Aeroangkasa Bumiputera** dalam memperolehi pakej-pakej kerja baharu bagi aktiviti-aktiviti pembuatan aeroangkasa, MRO, integrasi sistem dan latihan aeroangkasa.

7. Inisiatif-inisiatif yang diumumkan melalui Belanjawan 2025 adalah bukti komitmen Kerajaan yang berterusan bagi memacu pertumbuhan ekonomi yang inklusif dan mampan. MITI dan MIDA akan terus mengkaji **keberkesanan insentif sedia ada** selaras dengan dasar semasa Kerajaan dan keperluan pemain industri sekaligus memastikan penawaran insentif dapat **meningkatkan daya saing syarikat tempatan, termasuk di Sarawak**. Selain itu, pemberian **insentif yang berimpak tinggi** ini akan dapat menarik lebih banyak **pelaburan asing berkualiti** yang akan memberi **kesan limpahan positif**, termasuk meningkatkan aplikasi teknologi dalam kalangan syarikat tempatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK MUSLIMIN BIN YAHAYA
[SUNGAI BESAR]**

TARIKH : 21 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK MUSLIMIN BIN YAHAYA [SUNGAI BESAR] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan kejayaan hasil gabungan kerjasama antara koperasi-koperasi terutamanya dalam meningkatkan pengumpulan modal, meningkatkan kepakaran khusus kepada peningkatan produktiviti yang lebih berskala besar melalui penubuhan federasi-federasi di bawah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) telah menubuhkan enam (6) federasi koperasi iaitu:

- (i) Federasi Koperasi Perkhidmatan Kewangan Malaysia Berhad;
- (ii) Federasi Koperasi Pemborongan dan Peruncitan Malaysia Berhad;
- (iii) Federasi Koperasi Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia Berhad;
- (iv) Federasi Koperasi Perladangan Berhad;
- (v) Federasi Koperasi Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan Malaysia Berhad; dan
- (vi) Federasi Koperasi Hartanah dan Industri Pembinaan Malaysia Berhad.

2. Tujuan federasi ini ditubuhkan adalah untuk membina kekuatan gerakan koperasi dalam mendepani suasana ekonomi semasa dan mengurangkan tekanan orang tengah/kartel serta membentuk sinergi gerakan koperasi dalam menerajui pelbagai sektor ekonomi berdasarkan konsep payung. Keanggotaan keseluruhan federasi koperasi sehingga kini adalah berjumlah 166 koperasi.

3. Kejayaan hasil gabungan kerjasama antara koperasi dapat dilihat melalui beberapa aspek berikut:

- (i) koperasi dapat mengakses sumber kewangan yang lebih besar bagi membolehkan koperasi melaksanakan projek-projek yang berimpak tinggi melalui pengumpulan modal dari syer-syer anggota. Keenam-enam federasi ini telah dapat mengumpulkan modal syer berjumlah RM1.2 juta;
- (ii) kepakaran dalam bidang tertentu dapat dipertingkatkan dengan perkongsian pengetahuan dan pengalaman antara koperasi dan anggota dapat mempelajari teknik-teknik terbaik

dan amalan yang berkesan. Sebagai contoh, Federasi Koperasi Perkhidmatan Kewangan Malaysia Berhad telah berjaya menawarkan perkhidmatan untuk manfaat anggotanya iaitu Program Takaful Kaptif, Program Sistem Digital seperti Modul Keanggotaan, Modul Perakaunan & Kewangan dan Modul Pembiayaan yang membantu anggota koperasi membangunkan sasaran perniagaan mereka; dan

- (iii) peningkatan produktiviti menjadi lebih terjamin di mana melalui pengoperasian secara kolektif, koperasi dapat mengurangkan kos pengeluaran dan meningkatkan kecekapan operasi. Ini membolehkan koperasi bersaing dengan lebih baik di pasaran yang lebih luas. Melalui inisiatif ini, Federasi Koperasi Pemborongan dan Peruncitan Malaysia Berhad telah menjalankan aktiviti pengeluaran produk penjenamaan COOP dengan harga berpatutan dan turut menjadi pembekal kepada kedai COOP Mart dan kepada koperasi yang terlibat dengan Jualan Madani Koperasi (JMK).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DORIS SOPHIA ANAK BRODI
[SRI AMAN]**

TARIKH : 21 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SRI DORIS SOPHIA ANAK BRODI [SRI AMAN] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan penjelasan mengenai strategi pembangunan ekonomi yang berasaskan sumber asli termasuk pengurusan dan pelestarian sumber untuk memastikan kelanjutan jangka panjang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Negara Malaysia kaya dengan pelbagai sumber asli yang menjadi pemacu utama kepada pembangunan ekonomi termasuk sektor mineral dan perhutanan. Kementerian ini memainkan peranan penting dalam agenda kelestarian alam dan juga komitmen di peringkat nasional dan antarabangsa. Ini termasuklah soal pengurusan alam sekitar, usaha pemuliharaan dan perlindungan hutan dan kepelbagaian biologi serta memperkasa kecekapan tadbir urus sumber semula jadi bagi menjamin kelestarian pembangunan ekonomi, sosial dan alam sekitar. Kerajaan telah dan sedang melaksanakan pelbagai inisiatif untuk memastikan kelanjutan jangka panjang dalam melaksanakan strategi pembangunan ekonomi yang berasaskan sumber asli termasuk pengurusan dan pelestarian sumber.

2. Kementerian telah menetapkan hala tuju industri mineral negara bagi tempoh 2021 hingga 2030 berteraskan pembangunan secara menyeluruh meliputi keseluruhan rangkaian nilai dan pelaksanaan secara teratur dan efisien. Kementerian telah menetapkan beberapa strategi di bawah Transformasi Industri Mineral Negara 2021-2030 (TIM 2021-2030) dan Dasar Mineral Negara 3 (DMN3) iaitu pembangunan keseluruhan rangkaian nilai industri mineral, penekanan terhadap konsep ekonomi kitaran atau *circular economy* dan galakan penggiat industri untuk membangunkan konsep *urban mining* sebagai inisiatif Kerajaan untuk menggalakkan penggunaan mineral secara optimum dan mampan serta bertanggungjawab.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hutan juga merupakan antara sumber asli negara yang penting dimana pengusahasilan hutan masih diperlukan terutamanya untuk pembangunan ekonomi di negeri-negeri. Dalam hal ini, Kementerian melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dan Jabatan Perhutanan Negeri terus komited dalam melaksanakan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (PHSB) yang memberikan penekanan terhadap keseimbangan aspek pemeliharaan dan pemuliharaan hutan serta fungsinya dalam pembangunan sosioekonomi di negeri-negeri.

NO SOALAN : 17

4. Pengurusan hutan di Malaysia adalah berteraskan prinsip PHSB yang berpandukan kepada Dasar Perhutanan Malaysia. Perkara ini adalah selaras dengan komitmen negara terhadap ketetapan di bawah Forum Perhutanan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (*United Nations Forum on Forests* - UNFF). Antara elemen utama yang diamalkan di bawah PHSB adalah Catuan Tebangan Tahunan (CTT), pembalakan berimpak rendah (*Reduce Impact Logging* - RIL), pematuhan Kriteria dan Petunjuk Bagi PHSB Malaysia (*Malaysian Criteria and Indicator for Sustainable Forest Management* – MC&I), urus tadbir sektor perhutanan dikawal selia melalui Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313] dan ordinan/enakmen perhutanan di negeri-negeri serta penggunaan kepelbagaian fungsi dan perkhidmatan ekosistem hutan melalui pembangunan ekopelancongan.

5. Kerajaan sedar bahawa sumber asli adalah terhad dan perlu dikawal agar manfaatnya dapat dirasai untuk generasi akan datang. Secara keseluruhannya, kerajaan komited untuk memastikan pembangunan ekonomi berasaskan sumber asli dijalankan secara seimbang antara pertumbuhan ekonomi dan kelestarian alam sekitar termasuklah melalui perkembangan teknologi semasa dan kolaborasi dengan pelbagai pihak. Usaha-usaha ini penting bagi memastikan bahawa sumber-sumber ini dapat terus memberi manfaat kepada generasi akan datang, serta menyumbang kepada kemakmuran negara secara mampan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATO' SRI SAIFUDDIN ABDULLAH**
[INDERA MAHKOTA]

TARIKH : **21 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)**

SOALAN

DATO' SRI SAIFUDDIN ABDULLAH [INDERA MAHKOTA] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini kajian semula persempadanan semula kawasan pilihan raya bagi Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak termasuk garis masa pelaksanaannya. Apakah asas dan kriteria pertimbangan yang diambil dalam proses ini untuk mengatasi isu *gerrymandering* dan *malapportionment*.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menjalankan urusan kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya Persekutuan dan negeri berlandaskan kepada prinsip-prinsip dan tatacara persempadanan yang ditetapkan di bawah Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan serta menurut bidang kuasa SPR yang diperuntukkan di bawah Perkara 113, Perlembagaan Persekutuan.
2. Urusan kajian semula persempadanan terhadap bahagian-bahagian pilihan raya sedia ada, hanya boleh dilaksanakan selepas tamat lat tempoh 8 tahun atau terdapat pindaan undang-undang ke atas komposisi bilangan keanggotaan Ahli Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri.
3. Bagi maksud tersebut, lat tempoh 8 tahun bagi kajian semula persempadanan Negeri Sabah akan berakhir pada tahun 2025 manakala Negeri- Negeri Tanah Melayu akan berakhir pada tahun 2026. Lat tempoh 8 tahun bagi Negeri Sarawak telah pun berakhir pada tahun 2023 dan SPR sedang menimbang dan meneliti kesesuaian untuk melaksanakan urusan tersebut.
4. Berdasarkan peruntukan yang ditetapkan oleh Perlembagaan, prinsip-prinsip persempadanan yang dipegang oleh SPR adalah seperti berikut:
 - i. Kemudahan diadakan bagi pemilih-pemilih keluar mengundi semasa pilihan raya dan bahagian pilihan raya tidak merentasi sempadan negeri;

NO SOALAN : 18

- ii. Mengambil kira kemudahan pentadbiran yang boleh didapati dalam bahagian pilihanraya itu untuk mengadakan jentera yang perlu bagi pendaftaran dan pengundian;
- iii. Jumlah pemilih yang lebih kurang sama banyak bagi setiap bahagian pilihan raya dalam sesebuah Negeri kecuali apabila terdapat kesukaran perhubungan dan pengangkutan yang dihadapi di luar bandar, luas bahagian pilihan raya patut diberi pertimbangan; dan
- iv. Mengekalkan hubungan masyarakat tempatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' INDERA MOHD SHAHAR BIN
ABDULLAH
[PAYA BESAR]**

TARIKH : 21 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' INDERA MOHD SHAHAR BIN ABDULLAH [PAYA BESAR]
minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**
menyatakan :

- a. adakah Kerajaan mempunyai perancangan menubuhkan Pusat Pembangunan Latihan dan Penyelidikan Halal Asean sebagai agenda kepengerusian ASEAN; dan
- b. adakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan "*Asian Shariah Stock Exchange*" sebagai platform dagangan umum bagi mempromosikan ASEAN menjadi pelopor dan peneraju kewangan Islam peringkat global.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua

1. Industri halal merupakan salah satu sektor yang menggalakkan pertumbuhan sosioekonomi negara. Menjelang 2030, pasaran halal global dijangka berkembang kepada USD 5 trilion manakala pertumbuhan domestik diunjurkan mencecah USD113.2 bilion. Oleh itu, pelbagai usaha sedang dilaksanakan bagi menambah baik tadbir urus, membina kapasiti dan mempromosi industri halal.
2. Setakat ini, Kerajaan tiada perancangan untuk menubuhkan Pusat Pembangunan Latihan dan Penyelidikan Halal ASEAN. Walau bagaimanapun, Malaysia melalui *Malaysia Technical Cooperation Program* (MTCP) iaitu sebuah program yang bertujuan untuk berkongsi pengalaman dan kepakaran kepada negara-negara membangun telah mengadakan program yang bertajuk Halal: *Industry Awareness and Ecosystem Development* selama 10 hari bermula daripada 4 Jun hingga 14 Jun 2024 dengan penyertaan dari Thailand (3 orang), Filipina (5 orang) dan Laos (7 orang).
3. Antara aktiviti yang dijalankan adalah latihan asas industri halal, bengkel dan lawatan kerja ke taman industri halal. Selaras dengan permohonan yang tinggi daripada negara membangun berkenaan halal, HDC telah mengemukakan permohonan kepada Kementerian Luar Negeri untuk mengadakan beberapa siri latihan halal di bawah MTCP ini untuk tahun 2025.
4. Kerajaan juga pada masa ini tiada perancangan untuk menubuhkan "Asian Shariah Stock Exchange" sebagai platform dagangan umum bagi mempromosikan ASEAN menjadi pelopor dan peneraju kewangan Islam peringkat global. Perkara memerlukan penelitian dan persetujuan kesemua negara. Namun, aspek latihan, penyelidikan dan kewangan Islam akan terus diberikan penekanan dalam usaha mempromosi Malaysia sebagai peneraju global.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DR. HAJI ABD GHANI BIN AHMAD
[JERLUN]**

TARIKH : **21 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)**

SOALAN

DR. HAJI ABD GHANI BIN AHMAD [JERLUN] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :

- (a) apakah langkah pemulihan yang telah diambil bagi menyelamatkan diri mereka yang menjadi mangsa eksploitasi, pengabaian dan penganiayaan hasil tindakan PDRM melalui Ops Global menyelamatkan 402 kanak-kanak dan remaja; dan
- (b) apakah jaminan Kementerian bahawa mereka tidak akan diburu oleh pimpinan dan pengikut GISBH selepas ini

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga 15 Oktober 2024, JKM telah mendapat perintah jagaan sementara oleh Mahkamah ke atas seramai 560 kanak-kanak yang telah diselamatkan dalam Op Global. Mereka diberi perlindungan di Tempat-Tempat Selamat kendalian JKM. Manakala sehingga 20 November 2024, seramai 107 orang daripada kanak-kanak tersebut telahpun disatukan semula dengan ibu bapa / keluarga di bawah Seksyen 30(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001.

2. Beberapa langkah telah diambil bagi memastikan penjagaan serta kebajikan kanak-kanak tersebut terjaga. Antaranya ialah KPWKM telah mendapatkan kerjasama pihak Kementerian Pendidikan (KPM) untuk melaksanakan satu modul pembelajaran khas untuk kanak-kanak tersebut di Tempat-Tempat Selamat bermula 1 Oktober 2024. Ini bagi memastikan kanak-kanak mendapat pendidikan formal dalam tempoh perintah jagaan sementara,

3. Selain itu, KPWKM juga telah menjalinkan kerjasama dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Majlis Agama Islam Negeri Selangor (MAIS) bagi pembelajaran modul kerohanian di Tempat-Tempat Selamat yang dikenal pasti. Ia juga telah dimulakan pada 1 Oktober 2024 dengan menggunakan Modul Istitobah oleh MAIS. Modul ini telah diubahsuai mengikut peringkat umur kanak-kanak dan disampaikan melalui kelas agama yang diadakan. Kerjasama sebegini juga akan diteroka untuk turut dilaksanakan dengan kerjasama Majlis Agama negeri-negeri yang berkaitan.

4. Dalam pada itu, sebahagian kanak-kanak tersebut telah menjalani ujian kesihatan mental yang dijalankan oleh pegawai perubatan profesional. Ini dilaksanakan melalui kerjasama antara JKM dan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor. Pada masa yang sama, pihak JKM turut menyediakan perkhidmatan kaunseling kanak-kanak kepada mana-mana kanak-kanak yang memerlukan, termasuklah untuk menilai keadaan kesihatan psikososial mereka.

5. Sementara itu, antara bantuan asas psikologi yang telah diberikan ialah *Psychological First Aid* (PFA), iaitu satu sistem sokongan psikososial awal dan praktikal yang disediakan dalam situasi krisis. PFA bukannya sesi kaunseling atau intervensi psikiatri, tetapi merupakan pendekatan psikologi berasaskan kepada membina harapan positif serta memberi ruang kepada kanak-kanak agar rasa difahami dan didengari. Ia dilaksanakan bagi meminimumkan impak psikososial meliputi kesan fizikal, sosial dan emosi kepada individu yang mengalaminya sebelum kaunseling dapat dilaksanakan.

6. Selain PFA, saringan psikometrik juga dijalankan ke atas kanak-kanak yang diselamatkan bagi tujuan mengenal pasti bentuk intervensi yang bersesuaian dan diperlukan oleh kanak-kanak yang telah diselamatkan. Pegawai Psikologi akan terus membantu proses pemulihan emosi dan psikologikal mangsa dengan menyediakan perkhidmatan Psikopendidikan kepada kanak-kanak yang diselamatkan mengikut keperluan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DATUK SERI PANGLIMA MADIUS BIN
TANGAU
[TUARAN]**
TARIKH : **21 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)**

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA MADIUS BIN TANGAU [TUARAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan kakitangan yang berasal dari Sabah yang bertugas di Semenanjung. Adakah Kerajaan sedar bahawa ramai daripada mereka yang ingin ditempatkan bertugas di Sabah, dan apakah langkah-langkah Kerajaan dalam menyelesaikan perkara ini.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat 5 Oktober 2024, data daripada Sistem Pengurusan Maklumat Sumber Manusia (HRMIS) menunjukkan terdapat seramai 19,344 orang pegawai (2.3%) Perkhidmatan Awam Persekutuan kelahiran Sabah yang bertugas di Kementerian / Jabatan Persekutuan di Semenanjung Malaysia.
2. Bagi pegawai awam persekutuan (pegawai gunasama) kelahiran Sabah yang berminat untuk ditempatkan di Sabah, Kerajaan membenarkan untuk pegawai awam ini bertukar ke Jabatan-Jabatan Persekutuan di negeri, tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
 - i. skim perkhidmatan pegawai;
 - ii. kekosongan jawatan di lokasi penempatan yang dimohon;
 - iii. pegawai telah berkhidmat selama tiga (3) tahun di penempatan semasa;
 - iv. kedudukan susunan (*queue*) permohonan pertukaran ke lokasi/ negeri yang dimohon; dan
 - v. ketersediaan pegawai ganti bagi menggantikan tempat yang akan dikosongkan.
3. Selain itu, pertukaran pegawai juga perlu selaras dengan prinsip pertukaran dan pusingan kerja yang mengambil kira kedudukan terkini pegawai awam seperti gred dan kekananan pegawai, kepakaran bidang pengkhususan, pengalaman dan kriteria yang menepati keperluan bidang tugas jawatan di lokasi / negeri yang akan ditempatkan.
4. Bagi pegawai bukan gunasama pula, urusan pertukaran diuruskan oleh Kementerian masing-masing. Antara langkah yang telah diambil oleh Kerajaan melalui Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam menyelesaikan perkara ini adalah menyediakan medium permohonan pertukaran guru secara dalam talian iaitu Modul Pertukaran Guru (eGTukar).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI IR. DR. AHMAD SAMSURI BIN
MOKHTAR
[KEMAMAN]**

TARIKH : 21 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SERI IR. DR. AHMAD SAMSURI BIN MOKHTAR [KEMAMAN] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah faktor utama berubahnya keputusan Malaysia untuk menyertai BRICS pada Jun 2024 memandangkan jawapan Kementerian di dalam Dewan Rakyat pada Mac 2024 lalu mengatakan bahawa negara ini masih tiada niat dan rancangan untuk menyertainya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Kemaman** atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Kerajaan telah mengikuti perkembangan BRICS dengan rapat sebelum menzahirkan hasrat Malaysia menyertai BRICS pada 13 Jun 2024. BRICS merupakan sebuah Organisasi Antara Kerajaan yang semakin berpengaruh, bertujuan meningkatkan jalinan kerjasama ekonomi sesama Negara Anggota. BRICS juga memperjuangkan agenda, dengan izin, *Global South* dalam menangani ketidakseimbangan pembangunan ekonomi antara negara-negara maju dengan negara-negara membangun.

3. Malaysia komited untuk memajukan agenda, dengan izin, *Global South* dalam memperluaskan kerjasama Selatan-Selatan. Hasrat Malaysia untuk menganggotai BRICS adalah bertepatan dan strategik dalam menyerlahkan lagi keterlihatan Malaysia di persada antarabangsa, lebih-lebih lagi ketika Kepengerusian ASEAN 2025 oleh Malaysia.

4. Keanggotaan Malaysia dalam BRICS akan membuka peluang-peluang perniagaan dan pelaburan yang baharu. BRICS yang dianggotai oleh sembilan buah negara dengan saiz pasaran kumulatif hampir 3.2 bilion penduduk, mampu memperluaskan akses pasaran produk dan perkhidmatan Malaysia ke Negara Anggota BRICS, serta meningkatkan perdagangan dan pelaburan langsung asing. Ini sekali gus dapat mengimbangi kebergantungan negara kepada pasaran tradisional sedia ada.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN PANG HOK LIONG
[LABIS]**

TARIKH : 21 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN PANG HOK LIONG [LABIS] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Kerajaan akan mengharamkan sekolah, kolej atau IPTA daripada menukar agama pelajar dan remaja bukan Islam kepada Islam atau memaksa mereka menghadiri kelas al-Quran tanpa kebenaran atau persetujuan bertulis daripada ibu bapa mereka terdahulu.

JAWAPAN

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM
BIN HAJI MOKHTAR
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan maklum bahawa pengislaman kanak-kanak tanpa pengetahuan dan kebenaran ibu bapa atau penjaga merupakan isu yang sensitif dan kompleks. Ia melibatkan pertembungan antara hak asasi, isu perlembagaan dan undang-undang. Isu ini sering menimbulkan kontroversi dan perdebatan dalam masyarakat pelbagai agama di Malaysia.
2. Perkara 12(4) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan tentang hak ibu dan bapa terhadap agama anak di bawah 18 tahun seperti yang berikut:

“12. (4) For the purposes of Clause (3) the religion of a person under the age of eighteen years shall be decided by his parent or guardian.”

3. Tafsiran perkataan “*parent*” telah diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam beberapa kes. Dalam kes *Indira Gandhi Mutho v. Pengarah Jabatan Agama Islam Perak & Ors And Other Appeals [2018] 3 CLJ 145*, Mahkamah Persekutuan telah mentafsirkan Perkara 12(4) Perlembagaan Persekutuan berkenaan penukaran agama kanak-kanak yang belum mencapai umur 18 tahun kepada agama Islam hendaklah dengan kebenaran ibu **dan** bapa seperti yang berikut:

“Penukaran kepada agama lain adalah keputusan penting yang memberi kesan pada kehidupan seorang kanak-kanak, mengenakan dirinya satu gugusan undang-undang peribadi baharu dan berbeza. Jika keputusan sebesar penukaran agama seorang kanak-kanak dibuat, tanpa ragu-ragu lagi, kebenaran kedua-dua ibu bapa diperlukan demi kepentingan kanak-kanak tersebut. Pendekatan bertentangan yang membenarkan seorang kanak-kanak

ditukar agamanya dengan kebenaran sama ada ibu atau bapa sahaja akan membangkitkan kepayahan amalan. Bacaan tujuan per. 12(4) Perlembagaan Persekutuan yang menggalakkan kebajikan seorang kanak-kanak dan selaras dengan sikap wajar mengkehendaki agar kebenaran kedua-dua ibu bapa (jika mereka masih hidup) bagi penukaran agama kanak-kanak bawah umur. Memandangkan penjagaan anak-anak ini diberi kepada perayu, perayulah yang mempunyai pengaruh besar dalam kehidupan mereka. Untuk membenarkan satu lagi pasangan menukar agama anak-anak secara sebelah pihak tanpa kebenaran perayu terjumlah sebagai campur tangan serius kehidupan keluarga.”.

4. Keputusan yang dibuat dalam kes Indira Gandhi ini telah diikuti dalam kes mahkamah selepas itu, antaranya kes **Loh Siew Hong v. Pendaftar Mualaf Negeri Perlis & Ors.** Dalam kes ini, Mahkamah Persekutuan telah menolak permohonan kebenaran rayuan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs), Pendaftar Mualaf Negeri Perlis, Mufti Perlis dan Kerajaan Negeri Perlis terhadap keputusan Mahkamah Rayuan yang mengetepikan keputusan Mahkamah Tinggi yang mengisytiharkan pengislaman 3 anak Loh Siew Hong yang berumur di bawah 18 tahun sebagai berperlembagaan. Susulan penolakan permohonan kebenaran itu, 3 orang anak kepada Loh Siew Hong tersebut adalah kekal beragama Hindu.
5. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini tiada peruntukan undang-undang bagi kesalahan kegiatan pengislaman yang tidak mengikut Perlembagaan Persekutuan. Namun, berdasarkan keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes Indira Gandhi dan kes Loh Siew Hong, pengislaman kanak-kanak yang berumur di bawah 18 tahun tanpa kebenaran ibu dan bapa diputuskan sebagai tidak sah oleh Mahkamah Persekutuan. Oleh itu, pengislamannya tidak boleh didaftarkan menurut undang-undang.
6. Sehubungan itu, semua pihak hendaklah cakna tentang perkara ini dan sentiasa menghormati Perlembagaan Persekutuan sebagai undang-undang utama Persekutuan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perkara 4(1) Perlembagaan Persekutuan. Setiap pihak hendaklah menghormati antara satu sama lain kerana Perlembagaan Persekutuan menjamin hak setiap individu. Setiap individu boleh menggunakan hak

NO SOALAN : 23

yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan selagimana mematuhi undang-undang yang ditetapkan oleh pemerintah serta mematuhi had dan sekatan yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan itu sendiri. Ini bagi menjamin keharmonian negara yang mempunyai kepelbagaian bangsa dan agama supaya rakyat saling menghormati antara satu sama lain.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]**

TARIKH : 21 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TAN SRI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sejauh mana usaha Kerajaan dalam menangani konflik di Laut China Selatan khususnya melibatkan operasi penerokaan kawasan yang berpotensi mempunyai minyak dan gas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Marang** atas pertanyaan yang dikemukakan, dan di atas keprihatinan yang diberikan terhadap isu-isu di bawah seliaan Kementerian Luar Negeri, seperti isu-isu yang berkaitan dengan Laut China Selatan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Di dalam konteks pengendalian isu Laut China Selatan, saya ingin menegaskan bahawa kedaulatan dan kepentingan negara sentiasa dijadikan teras utama di dalam setiap tindakan yang diambil. Sepertimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, isu berkaitan Laut China Selatan merupakan isu yang kompleks dan sensitif. Oleh yang demikian, isu ini perlu dikendalikan secara berhati-hati, teliti dan menyeluruh. Setiap tindakan yang diambil oleh Kerajaan adalah berdasarkan pertimbangan yang komprehensif dan tidak sesekali akan memprejudiskan kedaulatan, hak kedaulatan dan kepentingan negara.

3. Berhubung eksplorasi minyak dan gas di Laut China Selatan, Malaysia akan meneruskan usaha-usaha tersebut di dalam perairan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) Malaysia berdasarkan peruntukan undang-undang antarabangsa. Kerajaan juga akan terus membangunkan medan minyak dan gas di perairan negara di Laut China Selatan walaupun berdepan bantahan daripada negara-negara penuntut Laut China Selatan yang lain. Tindakan ini adalah selaras dengan hak kedaulatan negara yang perlu dizahirkan. Ini juga memastikan kelangsungan industri minyak dan gas negara.

4. Malaysia akan terus mempertahankan kedaulatan, hak kedaulatan serta kepentingannya di kawasan maritim negara berdasarkan kepada Peta Malaysia 1979. Pendekatan Malaysia ini adalah selaras dengan prinsip undang-undang antarabangsa yang diiktiraf sejagat termasuk Konvensyen Undang-Undang Laut Antarabangsa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, atau dengan izin, *United Nations Convention on the Law of the Sea* (UNCLOS) 1982.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI AMINUDDIN BIN HARUN
[PORT DICKSON]**

TARIKH : 21 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SERI HAJI AMINUDDIN BIN HARUN [PORT DICKSON] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan program-program spesifik yang Kementerian telah lancarkan untuk menyokong pembangunan sosial dan kebajikan di kawasan FELDA dan bagaimana Kementerian memilih dan memantau projek-projek komuniti FELDA yang layak menerima sokongan dan bantuan.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI,
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEMAJUAN DESA
DAN WILAYAH**

Tuan Yang di-Pertua,

Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi menjamin kebajikan warga FELDA secara amnya serta pembangunan Generasi Baharu FELDA. Penekanan khusus bagi menjamin kebajikan institusi warga Peneroka FELDA adalah dengan pelaksanaan inisiatif kesihatan dan kebajikan Peneroka. FELDA telah memperuntukkan sebanyak RM10 juta setahun bagi menjaga dan menyelenggara aset dan infrastruktur awam di seluruh kawasan FELDA.

Selain hasil bumi, rancangan-rancangan FELDA juga kaya dengan infrastruktur dan fasiliti yang disediakan kepada bukan sahaja komuniti FELDA, malah boleh diguna pakai kepada semua orang awam. Antara kemudahan yang disediakan oleh FELDA adalah Dewan Semai Bakti, Kompleks Sukan Komuniti, Pusat Literasi Keluarga, dan sebagainya. Sejurus dengan itu, FELDA telah menerima pelbagai permohonan menaik taraf, membaik pulih, dan membina baru infrastruktur di dalam rancangan. Untuk makluman, FELDA menerima lebih daripada 300 permohonan diterima setiap tahun.

Susulan daripada ini, sebuah Jawatankuasa Infrastruktur telah ditubuhkan bagi meneliti, memilih, dan menyaring permohonan-permohonan yang dihantar oleh pihak pengurusan rancangan. Dengan ini FELDA dapat memberi keutamaan kepada permohonan yang benar-benar memerlukan bajet infrastruktur. FELDA sentiasa memberikan penekanan yang serius terhadap kebajikan warga peneroka mahupun generasi baharu dalam menyediakan kemudahan infrastruktur yang baik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH
[BESUT]**

TARIKH : 21 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH [BESUT] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan prinsip-prinsip yang telah dipersetujui bersama negeri-negeri dalam melindungi kepentingan dan kedaulatan negeri dalam proses merangka Dasar Pasaran Karbon Kebangsaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bermula pada bulan Julai 2024, NRES telah mengadakan beberapa sesi libat urus dengan Kerajaan Negeri, agensi Kerajaan di peringkat persekutuan, persatuan, pihak swasta dan lain-lain bagi mendapatkan input dan maklum balas awal mengenai pembangunan Dasar Pasaran Karbon Kebangsaan (DPKK). DPKK akan menetapkan hala tuju perdagangan kredit karbon di bawah pasaran pematuhan dan sukarela sama ada di peringkat domestik mahupun antarabangsa.
2. Sesi libat urus ini bukan sahaja dilaksanakan di peringkat pegawai, malah turut dilaksanakan di peringkat pengurusan tertinggi dan Menteri. Sehingga kini, NRES telah mengadakan sesi libat urus dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Perlis, Terengganu, Johor, Pahang, Sarawak, Selangor, Negeri Sembilan, Perak, Kedah, Sabah dan akan terus mengadakan sesi libat urus dengan negeri-negeri yang lain.
3. Dalam sesi libat urus yang dilaksanakan, Kementerian telah memaklumkan prinsip-prinsip yang diamalkan dalam membangunkan DPKK. Antaranya adalah mengenai hak Kerajaan Negeri bagi perkara berkaitan sumber asli dan hasil negeri akan sentiasa dihormati selaras dengan perlembagaan persekutuan. Selain itu, Kerajaan Negeri juga akan dilibatkan dalam perbincangan dan pembangunan dasar-dasar perubahan iklim yang berkaitan bagi memastikan kepentingan Kerajaan Negeri sentiasa terpelihara.
4. Selain itu, Mesyuarat Majlis Tindakan Perubahan Iklim yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 14 Jun 2024 juga telah bersetuju dengan penubuhan Jawatankuasa Dekarbonisasi Kebangsaan yang akan melibatkan kerajaan-kerajaan negeri serta pihak berkepentingan berkaitan bagi memastikan peralihan kepada pembangunan rendah karbon dilaksanakan secara teratur, seimbang dan mengambil kira pandangan pemegang taruh khususnya Kerajaan Negeri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI
[CHERAS]
TARIKH : 21 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN TAN KOK WAI [CHERAS] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai rancangan untuk meningkatkan had umur persaraan. Adakah skim yang dicadangkan telah dikaji secara mendalam. Sekiranya tidak, mengapa tidak disegerakan dan sekiranya ya, apakah dapatan awalnya.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi pegawai awam yang dilantik bermula 1 Januari 2012, umur persaraan wajib adalah 60 tahun. Manakala bagi pegawai awam yang telah dilantik sebelum 1 Januari 2012, umur persaraan wajib adalah sama ada 55, 56, 58 atau 60 tahun berdasarkan pilihan pegawai.
2. Pindaan umur persaraan wajib penjawat awam kepada 60 tahun telah dilaksanakan berdasarkan perkembangan semasa dan keperluan perkhidmatan.
3. Setakat ini, Kerajaan tiada perancangan untuk meningkatkan had umur persaraan pegawai Perkhidmatan Awam. Namun, Kerajaan bersedia untuk menjalankan kajian terperinci untuk meningkatkan had umur persaraan ini sekiranya terdapat keperluan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MUHAMMAD FAWWAZ BIN
MOHAMAD JAN
[PERMATANG PAUH]**

TARIKH : 21 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN MUHAMMAD FAWWAZ BIN MOHAMAD JAN [PERMATANG PAUH] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan berhasrat untuk melaksanakan penambahan kerusi Parlimen melalui persempadanan semula sebelum Pilihan Raya Umum Ke-16 dan jika ada apakah status kajian tersebut.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menjalankan urusan kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya Persekutuan dan negeri berlandaskan kepada prinsip-prinsip dan tatacara persempadanan yang ditetapkan di bawah Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan serta menurut bidang kuasa SPR yang diperuntukkan di bawah Perkara 113, Perlembagaan Persekutuan.

2. Urusan kajian semula persempadanan terhadap bahagian-bahagian pilihan raya sedia ada, hanya boleh dilaksanakan selepas tamat lat tempoh 8 tahun atau terdapat pindaan undang-undang ke atas komposisi bilangan keanggotaan Ahli Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri.

3. Bagi maksud tersebut, lat tempoh 8 tahun bagi kajian semula persempadanan Negeri Sabah akan berakhir pada tahun 2025 manakala Negeri- Negeri Tanah Melayu akan berakhir pada tahun 2026. Lat tempoh 8 tahun bagi Negeri Sarawak telah pun berakhir pada tahun 2023 dan SPR sedang menimbang dan meneliti kesesuaian untuk melaksanakan urusan tersebut.

4. Merujuk kepada cadangan bagi pertambahan bilangan Ahli Dewan Rakyat berkenaan, Kerajaan perlulah meminda Perkara 46 Perlembagaan Persekutuan berkaitan komposisi Ahli Dewan Rakyat terlebih dahulu dan pindaan ini perlu mendapat persetujuan 2/3 daripada jumlah Ahli Dewan Rakyat.

5. Cadangan pertambahan bilangan Ahli Dewan Rakyat hendaklah datang daripada Kerajaan sendiri selaras dengan keperluan Perkara 46

NO SOALAN : 28

Perlembagaan Persekutuan dan SPR tidak mempunyai bidang kuasa terhadap perkara berkenaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DATUK AHMAD AMZAD BIN MOHAMED
@ HASHIM
[KUALA TERENGGANU]**
TARIKH : **21 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)**

SOALAN

DATUK AHMAD AMZAD BIN MOHAMED @ HASHIM [KUALA TERENGGANU] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan :

- a. inisiatif pembaharuan Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai hab industri semikonduktor mengambil kira usaha negara-negara jiran yang agresif melalui insentif pelaburan di sebalik perang perdagangan AS-China; dan
- b. adakah penekanan kepada nilai rantai *front-end* R&D seperti reka bentuk litar bersepadu dan fabrikasi wafer.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Perubahan terkini kepimpinan di Amerika Syarikat berpotensi mempengaruhi landskap perdagangan global, terutama dalam hubungan perdagangan antara Amerika Syarikat dan China. Sekiranya ketegangan geopolitik ini berterusan, ia membuka peluang lebih luas bagi negara-negara lain, termasuk Malaysia, untuk menjadi destinasi alternatif bagi syarikat-syarikat multinasional yang ingin mempelbagaikan atau meningkatkan pelaburan mereka.

2. Untuk memastikan Malaysia dapat mencapai status sebagai hab utama industri semikonduktor di rantau ini, Kerajaan telah melaksanakan langkah-langkah strategik yang menyeluruh dan bersepadu bagi memastikan Malaysia kekal kompetitif, meskipun berdepan persaingan sengit daripada negara jiran yang turut menawarkan pelbagai insentif pelaburan.

3. Antara inisiatif utama yang diambil oleh Kerajaan adalah peluncuran Strategi Semikonduktor Nasional (SSN) yang menggariskan lima sasaran utama, termasuk, menarik pelaburan sekurang-kurangnya RM500 bilion dalam sektor semikonduktor, khususnya di dalam reka bentuk IC, pembungkusan termaju, fabrikasi wafer dan pembuatan peralatan semikonduktor, dan melahirkan sekurang-kurangnya 10 syarikat Malaysia dalam reka bentuk dan pembungkusan termaju dengan pendapatan antara RM1 bilion dan USD1 bilion; dan melahirkan sekurang-kurangnya 100 syarikat berkaitan semikonduktor yang mampu meraih pendapatan hampir RM1 bilion, dan mewujudkan gaji yang lebih tinggi untuk pekerja – pekerja di Malaysia, serta melatih dan meningkatkan kemahiran 60,000 jurutera tempatan berkemahiran tinggi untuk memenuhi peluang pekerjaan dalam sektor semikonduktor.

4. Bagi merealisasikan sasaran-sasaran tersebut, Kerajaan akan mempertingkatkan program pelaburan sedia ada sambil merancang pelbagai strategi baharu yang berfokus kepada menarik pelaburan berteknologi tinggi dalam ekosistem semikonduktor.

5. Di samping itu, Kerajaan juga menggalakkan penglibatan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) untuk melabur dalam syarikat semikonduktor tempatan. Pendekatan ini selari dengan hasrat Kerajaan dalam pembentangan Belanjawan 2025 untuk memacu pertumbuhan industri teknologi tempatan. Melalui pelaburan oleh GLIC, syarikat-syarikat semikonduktor tempatan akan menerima suntikan modal yang diperlukan untuk memperluas kapasiti pengeluaran, memacu inovasi, serta memperkukuh daya saing mereka di peringkat global.

6. Kerajaan juga komited untuk memperkukuhkan pembangunan bakat dalam sektor teknologi tinggi melalui beberapa inisiatif strategik yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri sewaktu sesi pembentangan Belanjawan 2025. Antara inisiatif tersebut adalah:

- (i) pemberian potongan cukai khas kepada universiti swasta dan institut latihan kemahiran yang menawarkan kursus dalam bidang teknologi digital, AI, robotik, IoT, dan teknologi mampan. Belanjawan 2025 telah menetapkan bahawa, Universiti Teknologi Mara (UiTM) akan menerima peruntukan sebanyak RM20 juta khusus untuk melatih dan melahirkan lebih ramai jurutera Bumiputera dalam sektor elektrik dan elektronik (E&E), terutamanya dalam industri semikonduktor, manakala Universiti Sains Malaysia (USM) akan memberi tumpuan kepada AI dalam teknologi semikonduktor dengan kerjasama syarikat gergasi seperti Intel dan Infineon;
- (ii) HRD Corp dipertanggungjawabkan untuk mengurus dana sebanyak RM3 bilion bagi menyediakan sebanyak 3 juta peluang latihan, dengan fokus kepada bidang berteknologi tinggi seperti AI; dan
- (iii) Khazanah akan memperuntukkan sebanyak RM200 juta, melalui Program K-Youth, yang dijangka akan membekalkan seramai 11,000 bakat tempatan bagi memenuhi keperluan sektor utama berteknologi tinggi.

7. Bagi menjawab persoalan yang dibangkitkan mengenai penekanan kepada nilai rantaian *front-end* R&D seperti reka bentuk litar bersepadu dan fabrikasi wafer dalam sektor semikonduktor negara, Kerajaan sememangnya memberikan perhatian yang serius terhadap aspek ini sebagai sebahagian daripada usaha untuk memperkukuh rantaian nilai industri semikonduktor negara.

8. Kerajaan akan memberi tumpuan kepada dasar pengukuhan industri semikonduktor dengan memperkuat pembangunan dan pengeluaran cip di dalam negara. Pelbagai program dirancang untuk memastikan pencapaian ini, termasuk usaha memodenkan syarikat-syarikat *Outsourced Semiconductor Assembly and Test (OSAT)* sedia ada, yang merupakan elemen penting dalam rantaian nilai semikonduktor.

9. Kerajaan yakin bahawa industri semikonduktor di Malaysia berpotensi untuk dikembangkan dan diperluaskan rantaian nilainya kepada segmen *front-end* yang akan membuka peluang pekerjaan berkemahiran tinggi dan menyumbang kepada pertumbuhan lebih baik kepada ekonomi negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHD HASNIZAN BIN HARUN
[HULU SELANGOR]**

TARIKH : 21 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN HAJI MOHD HASNIZAN BIN HARUN [HULU SELANGOR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan yang telah dan akan dilakukan bagi menyelesaikan masalah buruh tidak mencukupi di kawasan FELDA seluruh Malaysia dan inisiatif yang dilaksanakan Kementerian bagi menarik minat anak tempatan bersama dengan FELDA sebagai buruh tempatan dalam menguruskan ladang.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI,
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEMAJUAN DESA
DAN WILAYAH**

Tuan Yang di-Pertua,

FELDA telah diberikan kelulusan kuota pengambilan pekerja asing seramai 3,000 orang pada 27 Julai 2024 dan diberikan masa sehingga 31 Januari 2025 untuk membawa masuk 3,000 orang tersebut. Ketika ini, proses pengambilan pekerja asing yang baru sedang dilaksanakan melalui anak syarikat FELDA iaitu FELDA Plantation Management Sdn Bhd.

FELDA juga telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi menampung kekurangan pekerja asing melalui pendekatan seperti berikut :-

1. Menambahbaik kemudahan dan penggajian pekerja tempatan bagi menarik minat pekerja tempatan. Mulai Mei 2022, pekerja tempatan turut diberikan gaji minima RM1,500.00 sebagaimana arahan Kerajaan Malaysia. Disamping itu, pekerja tempatan turut diberikan Elaun Motor (RM100.00) dan Elaun Perumahan (RM200.00) serta caruman KWSP serta perlindungan di bawah PERKESO. FELDA Plantation Management Sdn Bhd turut menyediakan kemudahan insurans berkelompok Takaful Malaysia serta skim khairat kematian.
2. Di samping itu, dengan penggunaan mekanisasi yang akan menarik minat golongan muda menyertai sektor pekerjaan di bahagian operasi Perladangan. Program mekanisasi di rancangan-rancangan FELDA adalah mengikut kesesuaian bentuk muka bumi dan operasi, secara tidak langsung dapat mengurangkan kesan kekurangan tenaga kerja asing.
3. Menggalakkan warga FELDA menjadi kontraktor kecil-kecilan melalui inisiatif Kerja Borong Kecil (KBK) yang mana proses kontrak kerja dipermudahkan bagi membolehkan lebih ramai

NO SOALAN : 30

warga FELDA di rancangan menjadi kontraktor kepada kerja-kerja operasi perladangan dalam skala yang lebih kecil

4. Bagi masyarakat FELDA yang mempunyai keupayaan modal dan tenaga kerja serta mempunyai syarikat berdaftar, mereka sentiasa diberikan keutamaan untuk menyertai tender kerja-kerja pertanian yang berskala lebih besar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE
[BELURAN]
TARIKH : 21 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE [BELURAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan bercadang menamakan semula Laut China Selatan sebagaimana yang telah dilaksanakan oleh negara Vietnam (Laut Timur), negara Indonesia (Laut Natuna Utara) dan negara Filipina (Laut Filipina Barat), bagi menjamin kedaulatan negara susulan siri pencerobohan dan tindakan agresif China.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa komited mempertahankan kedaulatan perairan negara berdasarkan Peta Baru Malaysia 1979. Tindakan yang dilaksanakan oleh Malaysia di perairan negara adalah berdasarkan kepada kedaulatan (*sovereignty*) dan hak-hak kedaulatan (*sovereign rights*) di bawah undang-undang antarabangsa termasuklah Konvensyen Undang-Undang Laut, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations Convention on the Law of the Sea – UNCLOS*) 1982.
2. Penggunaan nama bagi beberapa segmen laut seperti nama Laut China Selatan, Selat Melaka, Laut Sulu, Laut Sulawesi dan Laut Andaman merupakan penggunaan nama yang telah diguna pakai secara meluas di peringkat global terutamanya bagi tujuan pemetaan yang berpandukan kepada Publikasi S-23 – *Names and Limits of the Oceans and Seas* yang dikeluarkan oleh *International Hydrographic Organisation* (IHO) iaitu sebuah badan antarabangsa yang diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi menyelaraskan dan menyelia perkara berhubung pemetaan dan keselamatan pelayaran.
3. Sebarang tindakan yang disarankan termasuk cadangan untuk mempertimbangkan penggunaan nama Laut Melayu di perairan negara perlu diteliti dan dikaji dengan lebih lanjut. Ini bagi memastikan tindakan tersebut adalah selaras dengan amalan antarabangsa dan pemakaian undang-undang antarabangsa termasuk UNCLOS 1982 dan berupaya memberikan nilai tambah dalam membantu mengukuhkan tindakan *effectivitate* yang dilaksanakan oleh Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD
[BAGAN SERAI]**

TARIKH : 21 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD [BAGAN SERAI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan laporan awal hasil kajian yang telah dilakukan oleh Jawatankuasa Khas Mengkaji Kompetensi Dewan Undangan Negeri (DUN) Untuk Menggubal Undang-undang Islam termasuk hasil daripada sesi-sesi libat urus yang telah dilakukan bersama pihak-pihak berkepentingan.

JAWAPAN

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM
BIN HAJI MOKHTAR
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan mengenai perkara ini telah pun dibangkitkan beberapa kali sebelum ini semasa Mesyuarat Pertama iaitu antaranya pada 21 Mac 2024, 27 Mac 2024 dan 2 April 2024 dan Mesyuarat Kedua antaranya pada 27 Jun 2024 dan 3 Julai 2024 yang lalu.
2. Sebagaimana yang dimaklumi, dengan tertubuhnya Jawatankuasa Khas Mengkaji Isu Berkaitan Dengan Kompetensi Dewan Undangan Negeri (DUN) Untuk Menggubal Undang-Undang Islam (“Jawatankuasa Khas”), suatu kajian yang mendalam dan kritikal akan dibuat tentang isu konflik bidang kuasa secara menyeluruh. Antaranya termasuklah isu kompetensi Dewan Undangan Negeri untuk menggubal undang-undang Islam, kedudukan dan bidang kuasa Mahkamah Syariah sebagaimana yang diperuntukkan di bawah butiran 1, Senarai II-Senarai Negeri, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan dan pengharmonian antara undang-undang sivil dan Syariah.
3. Taklimat gerak kerja yang terkini Jawatankuasa Khas telah dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwah Agama Islam Malaysia (MKI) Kali ke-72 pada 23 Ogos 2024.
4. Untuk makluman dewan yang mulia ini, bagi memastikan kajian yang komprehensif dibuat, sesi libat urus dengan pihak-pihak berkepentingan telah pun dibuat dari semasa ke semasa. Setakat ini antara sesi libat urus yang dibuat melibatkan Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwah Agama Islam Malaysia, Mufti Negeri, Majlis Agama Islam Selangor, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Jabatan Mufti Negeri Sembilan, Jabatan Kehakiman Negeri Sarawak

dan pakar perundangan dan perlembagaan seperti Badan Peguam Malaysia, Persatuan Peguam-Peguam Muslim Malaysia dan Majlis Peguam Syarie Wilayah-Wilayah Persekutuan, persatuan/pertubuhan Islam seperti Kolumnis Undang-Undang Syariah, Pertubuhan-Pertubuhan Pembela Islam dan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), persatuan/pertubuhan bukan Islam seperti National Evangelical Christian Fellowship Malaysia, Malaysia Hindu Sangam, Malaysian Gurdwaras Council, Persatuan Agama Taoisme Malaysia, The Spiritual Assembly of The Bahá'í of Malaysia dan Persatuan Bhikkhuni Buddhis Malaysia.

5. Pendekatan sedemikian secara tidak langsung dapat membantu Jawatankuasa Khas untuk melihat semua aspek yang berkaitan secara holistik sama ada daripada aspek Perlembagaan Persekutuan, perundangan sivil dan Syariah termasuklah Hukum Syarak bagi memastikan laporan kajian yang komprehensif dapat dihasilkan.
6. Setakat ini, Jawatankuasa Khas dalam peringkat akhir penyediaan laporan dan merumus semua cadangan serta pengesyoran sebelum dibentangkan kepada Mesyuarat MKI dan MRR untuk perkenan dan seterusnya dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri. Laporan tersebut dijangka siap pada November 2024 tahun ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ZAKRI BIN HASSAN
[KANGAR]**

TARIKH : 21 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN:

TUAN ZAKRI BIN HASSAN [KANGAR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa peruntukan Kerajaan kepada NADMA bagi menangani bencana banjir di seluruh negara bagi 2024 :

- (a) adakah bantuan hanya di Pusat Penempatan Sementara (PPS) dan bagaimana dengan rakyat yang tidak berpindah ke PPS dan masih kekal di rumah masing-masing; dan
- (b) adakah mereka tidak berhak untuk mendapatkan bantuan tersebut.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI,
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEMAJUAN DESA
DAN WILAYAH**

**Peruntukan Kerajaan bagi menangani bencana banjir di seluruh
negara bagi 2024**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi menghadapi bencana semasa musim Monsun Timur Laut 2023/2024 dan sepanjang tahun 2024, peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara (KWABBN) di bawah Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) adalah berjumlah **RM300 juta**.
2. Peruntukan tersebut telah digunakan untuk melaksanakan pelbagai inisiatif pengurusan bencana negara bagi tahun 2024 seperti pemberian Bantuan Wang Ihsan dan Bantuan Wang Ihsan Kematian, pengurusan pengoperasian bencana, bantuan kit makanan kepada mangsa bencana serta pembinaan Pusat Pemindahan Kekal Bencana (PPKB).
3. Bantuan Wang Ihsan merupakan sumbangan sebanyak RM1,000 untuk Ketua Isi Rumah yang terjejas akibat bencana dan berpindah atau berdaftar di PPS, manakala Bantuan Wang Ihsan Kematian merupakan sumbangan RM10,000 untuk waris kepada mangsa yang meninggal dunia akibat bencana.

**Bantuan mangsa yang tidak berpindah ke Pusat Penempatan
Sementara (PPS)**

Tuan Yang di-Pertua,

4. Setelah berlaku sesuatu bencana termasuk bencana banjir, mangsa bencana yang terlibat khususnya golongan rentan seperti warga

emas, wanita mengandung dan kanak-kanak akan dipindahkan ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) bagi tujuan keselamatan diri mereka dengan bantuan agensi-agensi tindak balas seperti Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia dan lain-lain.

5. Semua mangsa bencana yang berpindah ke PPS akan dibantu oleh petugas Jabatan Kebajikan Masyarakat dan ditempatkan di dalam khemah masing-masing dengan diberikan pelbagai bantuan asas seperti makanan, minuman, tikar, selimut dan lain-lain. Manakala, mangsa bencana yang tidak berpindah ke PPS akan dibantu oleh agensi-agensi tindak balas yang membuat rondaan bagi menghulurkan bantuan makanan dan minuman.
6. Bantuan Wang Ihsan pula akan diagihkan kepada Ketua Isi Rumah yang berpindah atau berdaftar di PPS bagi memastikan tiada nama Ketua Isi Rumah yang tercicir dan kelewatan dalam proses semakan serta pengesahan senarai nama mangsa bencana oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN).
7. Pemberian Bantuan Wang Ihsan bukanlah merupakan suatu hak atau pampasan terhadap kerugian yang dialami oleh mangsa bencana tetapi merupakan tanda keprihatinan Kerajaan Persekutuan bagi meringankan beban mangsa bencana.
8. Selain bantuan Kerajaan Persekutuan, semua Kerajaan Negeri turut disarankan untuk mengenal pasti bantuan-bantuan lain yang boleh disumbangkan oleh agensi-agensi peringkat negeri seperti lembaga zakat dan badan-badan korporat untuk membantu meringankan beban mangsa bencana.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : KAPTEN AZAHARI BIN HASAN
[PADANG RENGAS]**

TARIKH : 21 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

KAPTEN AZAHARI BIN HASAN [PADANG RENGAS] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil bagi menyelesaikan isu banjir kilat di Parlimen Padang Rengas :

- (a) adakah Kerajaan akan menyediakan peruntukan bagi tujuan penyelenggaraan sistem perparitan/sungai di sini; dan
- (a) bagaimana saluran bantuan kepada mangsa yang mengalami kerosakan teruk akibat banjir kilat.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI,
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEMAJUAN DESA
DAN WILAYAH**

**Langkah-langkah yang diambil bagi menyelesaikan isu banjir kilat di
Parlimen Padang Rengas**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Di bawah Arahan NADMA No. 1 banjir kilat tidak ditakrifkan sebagai kejadian bencana. Berdasarkan takrifan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), banjir kilat adalah kejadian yang disebabkan keamatan hujan yang tinggi dan setempat mengakibatkan kenaikan dan penurunan air dalam masa yang singkat (kurang 6 jam). Pelbagai faktor yang menyumbang kepada insiden banjir kilat khususnya penyelenggaraan sistem perparitan dan sungai yang tidak dilaksanakan dengan baik serta pembangunan yang tidak dirancang dengan baik.
2. Untuk makluman Yang Berhormat, penyelenggaraan sistem perparitan dan sungai adalah di luar daripada skop pengurusan bencana di bawah Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA).
3. Bagi mengatasi kejadian banjir kilat yang kerap kali berulang, Mesyuarat Jemaah Menteri berhubung Masalah Perparitan dan Kawalan Banjir di Kawasan Bandar juga telah memutuskan supaya masalah perparitan dan banjir di kawasan bandar adalah di bawah bidang JPS, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Jabatan Kerja Raya (JKR).

Peruntukan bagi tujuan penyelenggaraan sistem perparitan/sungai

4. Tanggungjawab menjaga sistem saliran di kawasan bandar adalah di bawah beberapa pihak iaitu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Pejabat Tanah dan Daerah.

5. Berdasarkan keputusan Jemaah Menteri pada 19 Jun 1996, JPS diberi tanggungjawab sepenuhnya mengurus dan menyenggara semua sungai termasuk sungai di kawasan PBT. Manakala PBT diberi tanggungjawab untuk mengurus dan menyenggara sistem perparitan di kawasan masing-masing. Seksyen 50, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) juga menyatakan, PBT hendaklah membina dan menyenggara parit dan alur air.
6. Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) melalui JPS melaksanakan kerja-kerja kecil di bawah Projek Pemuliharaan Sungai untuk Mengurangkan Risiko Banjir dan Kerja-kerja Kecemasan Luar Jangka yang melibatkan skop membaik pulih struktur saluran dan tebing sungai bagi mengurangkan impak kejadian banjir kepada penduduk di kawasan terdedah bencana banjir.
7. Sebanyak RM882 ribu telah disalurkan pada tahun 2022 sehingga 2023 bagi melaksanakan kerja-kerja kecil melibatkan skop utama seperti kerja-kerja pengaluran sungai, kerja-kerja menstabilkan tebing sungai dan menaiktaraf saluran serta struktur berkaitan. Sementara bagi tahun 2024, sebanyak RM100 ribu telah diperuntukkan untuk melaksanakan dua (2) sebut harga yang akan siap pada bulan Disember 2024.
8. Selain itu, Kementerian Pembangunan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) telah meletakkan keutamaan penyaluran peruntukan projek skala kecil kepada semua PBT untuk menaik taraf sistem perparitan dan longkang mengikut permohonan yang dikemukakan.

Bantuan bagi penduduk yang mengalami kerosakan teruk akibat banjir kilat.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Bagi kejadian bencana termasuk bencana banjir, terdapat dua jenis bantuan bencana yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan

melalui peruntukan yang disalurkan oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) kepada semua negeri iaitu Bantuan Wang Ihsan dan Bantuan Wang Ihsan Kematian.

8. Bantuan Wang Ihsan merupakan sumbangan sebanyak RM1,000 untuk Ketua Isi Rumah yang terjejas akibat bencana dan berpindah atau berdaftar di Pusat Pemindahan Sementara (PPS). Manakala, Bantuan Wang Ihsan Kematian merupakan sumbangan sebanyak RM10,000 untuk waris kepada mangsa yang meninggal dunia akibat bencana.
9. Bantuan Wang Ihsan dan Bantuan Wang Ihsan Kematian tidak meliputi insiden banjir kilat kerana banjir kilat bukan ditakrifkan sebagai bencana.
10. Meskipun begitu, sekiranya insiden banjir kilat menjadi bertambah buruk dan air tidak surut dalam tempoh 4 hingga 6 jam, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah dan Negeri boleh mengisytiharkan bahawa bencana banjir telah berlaku dan penyaluran bantuan boleh dipertimbangkan berdasarkan impak kejadian bencana tersebut terhadap harta benda serta keperluan mangsa untuk berpindah atau berdaftar di PPS.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK HAJI AWANG BIN HASHIM
[PENDANG]
TARIKH : 21 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK HAJI AWANG BIN HASHIM [PENDANG] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah pendirian dan strategi Kerajaan ekoran laporan pembatalan rancangan Tesla untuk membina kilang di rantau ini termasuk Malaysia serta implikasi yang terlibat mengambil kira puluhan ribu peluang pekerjaan mahir yang dijanjikan oleh Perdana Menteri sebelum ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kemasukan syarikat Tesla ke Malaysia pada 2023 adalah melalui program AP BEV *Global Leader*. Program ini diadakan khusus untuk menarik syarikat multinasional yang merupakan pengeluar utama kenderaan elektrik sepenuhnya (*Battery Electric Vehicle – BEV*) untuk membuka perniagaannya dan melabur di Malaysia. Sehingga kini, Tesla merupakan syarikat yang telah mengikuti program ini berdasarkan kriteria yang ditetapkan.
2. Di bawah program AP BEV *Global Leader*, Tesla tidak pernah memberi komitmen untuk membina kilang pemasangan di Malaysia. Sebaliknya, komitmen Tesla kepada pasaran Malaysia adalah menubuhkan ibu pejabat di Malaysia, memberi perkhidmatan jualan, pusat servis, dan rangkaian pusat jualan atau *experience centre*, serta menyediakan rangkaian pengecas *supercharger*.
3. Beberapa syarat telah dikenakan kepada Tesla yang menyertai program AP BEV *Global Leader*, melibatkan komitmen seperti memasang sekurang-kurangnya 50 pengecas EV *ultra-fast* dengan kapasiti melebihi 180kW, memastikan sekurang-kurangnya 30% pengecas EV yang dipasang boleh digunakan umum bagi EV jenama lain (selain Tesla) dan bekerjasama dengan sekurang-kurangnya 10 syarikat pengecas tempatan untuk membangunkan teknologi pengecas.
4. Berdasarkan kepada maklumat daripada Tesla, Tesla telah menubuhkan ibu pejabat jualan di Cyberjaya, membuka empat Tesla *Experience Centre* (Cyberjaya, Damansara, Pulau Pinang dan Johor Bharu), bekerjasama dengan syarikat tempatan dalam bidang teknologi pengecas, logistik, perkhidmatan kewangan dan insurans serta penyelenggaraan kenderaan EV dan memasang 52 pengecas *supercharger* berkapasiti 250 kW.

5. Walaupun Tesla tidak pernah memberikan sebarang komitmen untuk membuat pemasangan tempatan bagi kenderaan mereka, MITI melalui agensinya iaitu MIDA sentiasa mengadakan perbincangan mengenai potensi bagi Tesla menggunakan rantai bekalan tempatan bagi komponen-komponen keluarannya. Buat masa ini, Tesla telah menggunakan komponen daripada kira-kira 45 pembekal tempatan secara langsung dan tidak langsung yang turut melibatkan pemindahan teknologi kepada pembekal tempatan. Antara pengeluar tempatan utama yang digunakan adalah bagi komponen semikonduktor, pemeriksaan jentera dan sistem automasi kilang.

6. Bertapaknya Tesla sebagai syarikat pengeluar EV utama dunia di Malaysia menunjukkan keyakinan Tesla terhadap pasaran EV tempatan serta dasar-dasar galakan EV yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Kerajaan akan terus menggiatkan usaha untuk menarik pelabur-pelabur asing dan tempatan dalam sektor automatif dan sektor lain yang berkaitan untuk menjalankan operasi mereka di Malaysia. Langkah ini akan membantu meningkatkan keupayaan rantai bekalan tempatan serta menggalakkan aktiviti lokalisasi komponen automotif.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. AHMAD FAKHRUDDIN BIN
FAKHRURAZI [KUALA KEDAH]**

TARIKH : 21 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DR. AHMAD FAKHRUDDIN BIN FAKHRURAZI [KUALA KEDAH] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini pemerkasaan institusi Mahkamah Syariah melalui pindaan Rang Undang-Undang Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (RUU 355).

JAWAPAN

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM
BIN HAJI MOKHTAR
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan berterima kasih atas sokongan Yang Berhormat terhadap pindaan kepada Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 [Akta 355]. Pindaan kepada Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 ini merupakan tanggungjawab bersama demi terus memperkasakan institusi kehakiman Syariah di Malaysia.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, beberapa sesi libat urus dengan pihak berkepentingan telah pun dibuat pada tahun 2023 untuk mendapatkan pandangan terhadap pindaan yang dicadangkan dalam Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 dan bagi memastikan pindaan yang akan dibuat kelak mengambil kira semua aspek termasuklah konsep ta'dib dalam Islam dan selaras dengan prinsip maqasid syariah. Sesi libat urus yang telah pun dibuat pada tahun 2023 adalah seperti yang berikut:
 - (a) sesi libat urus bersama dengan Ketua Hakim Syarie negeri-negeri, Jabatan Peguam Negara dan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia pada 22 September 2023;
 - (b) sesi libat urus bersama dengan Ketua Pendakwa Syarie dan Ketua Pegawai Penguat Kuasa Agama pada 17 Oktober 2023; dan
 - (c) sesi libat urus bersama dengan Majlis Agama Islam Negeri-Negeri pada 18 Disember 2023.

NO SOALAN : 36

3. Semasa Konvensyen Memartabatkan Perundangan Syariah di Malaysia pada 15 Julai 2024, YAB Perdana Menteri juga menyatakan bahawa pindaan kepada Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 hendaklah dibuat dengan teliti supaya ia menjadi satu dokumen yang kukuh, disepakati oleh semua Negeri, Mufti dan Ulama.
4. Pengerusi Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI), DYMM Sultan Perak pada 30 Julai 2024 juga telah bertitah supaya JAKIM memberikan taklimat mengenai cadangan pindaan kepada Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 ini dalam mesyuarat Majlis Agama Islam Negeri-Negeri bagi mendapatkan maklum balas dan pandangan Majlis Agama Islam Negeri-Negeri terlebih dahulu.
5. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Khas Mengkaji Isu Berkaitan Dengan Kompetensi Dewan Undangan Negeri (DUN) Untuk Menggubal Undang-Undang Islam juga akan meneliti cadangan pindaan kepada Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965. Laporan hasil kajian oleh Jawatankuasa Khas ini juga akan diambil kira dalam menggubal pindaan kepada Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965.
6. Cadangan pindaan kepada kepada Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 akan dibentangkan terlebih dahulu dalam Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) dan Majlis Raja-Raja untuk diperkenankan sebelum dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri untuk persetujuan dasar sebelum dibentangkan di Parlimen.
7. Pindaan kepada Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 ini akan dibawa ke Parlimen bersama dengan suatu akta baharu iaitu Rang Undang-Undang Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) dengan tujuan untuk memperkasa Mahkamah Syariah. Kedua-dua Rang Undang-Undang tersebut akan dibentangkan di Parlimen setelah mendapat persetujuan Jemaah Menteri bagi memastikan hasrat untuk pemerksaan Mahkamah Syariah dapat direalisasikan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI
[DUNGUN]**

TARIKH : 21 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI [DUNGUN] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan libat urus dan rundingan yang dibuat dengan Kerajaan-kerajaan Negeri dalam merangka rang undang-undang pengangkutan karbon rentas sempadan bagi menjamin perlindungan kepentingan negeri dalam perdagangan karbon.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bermula pada bulan Julai 2024, NRES telah mengadakan beberapa sesi libat urus dengan Kerajaan Negeri, agensi Kerajaan di peringkat persekutuan, persatuan, pihak swasta dan lain-lain bagi mendapatkan input dan maklum balas awal mengenai pembangunan Dasar Pasaran Karbon Kebangsaan (DPKK). DPKK akan menetapkan hala tuju perdagangan kredit karbon di bawah pasaran pematuhan dan sukarela samada di peringkat domestik mahupun antarabangsa.
2. Sesi libat urus ini bukan sahaja dilaksanakan di peringkat pegawai, malah turut dilaksanakan di peringkat pengurusan tertinggi dan Menteri. Sehingga kini, NRES telah mengadakan sesi libat urus dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Perlis, Terengganu, Johor, Pahang, Sarawak, Selangor, Negeri Sembilan, Perak, Kedah, Sabah dan akan terus mengadakan sesi libat urus dengan pihak negeri yang lain.
3. Dalam sesi libat urus yang dilaksanakan, Kementerian telah memaklumkan prinsip-prinsip yang diamalkan dalam membangunkan DPKK. Antaranya adalah mengenai hak Kerajaan Negeri bagi perkara berkaitan sumber asli dan hasil negeri akan sentiasa dihormati selaras dengan perlembagaan persekutuan. Selain itu, Kerajaan Negeri juga akan dilibatkan dalam perbincangan dan pembangunan dasar-dasar perubahan iklim yang berkaitan bagi memastikan kepentingan Kerajaan Negeri sentiasa terpelihara.
4. Selain itu, Mesyuarat Majlis Tindakan Perubahan Iklim yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 14 Jun 2024 juga telah bersetuju dengan Penubuhan Jawatankuasa Dekarbonisasi Kebangsaan yang akan melibatkan kerajaan-kerajaan negeri serta pihak berkepentingan berkaitan bagi memastikan peralihan kepada pembangunan rendah karbon dilaksanakan secara teratur, seimbang dan mengambil kira pandangan pemegang taruh khususnya Kerajaan Negeri.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI HAMZAH BIN ZAINUDIN
[LARUT]

TARIKH : 21 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SERI HAMZAH BIN ZAINUDIN [LARUT] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan komitmen Kerajaan dalam soal persempadanan semula kawasan pilihan raya oleh SPR, adakah semua parti politik serta pihak-pihak berkepentingan lain akan dilibatkan dalam proses kajian dan berapa jangkaan sela masa untuk persempadanan tersebut dimuktamadkan.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Urusan kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya Persekutuan dan Negeri dilaksanakan berdasarkan prinsip dan tatacara persempadanan yang ditetapkan sebagaimana Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan serta di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang diperuntukkan di bawah Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan.
2. Berdasarkan tatacara yang dinyatakan dalam Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan, suatu notis berkenaan syor kajian semula persempadanan akan disiarkan atau dipamerkan dan SPR hendaklah mempertimbangkan apa-apa representasi yang dibuat dalam tempoh pameran tersebut.
3. Selaras dengan Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan, SPR juga akan mengadakan suatu siasatan tempatan bagi apa-apa representasi membantah syor yang dikemukakan oleh:
 - a) Kerajaan Negeri;
 - b) Pihak Berkuasa Tempatan; dan
 - c) Sekumpulan orang seramai satu ratus orang atau lebih yang nama mereka ditunjukkan dalam daftar pemilih semasa bagi bahagian-bahagian pilihan raya berkenaan.
4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Seksyen 9 dan 10, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Perdana Menteri hendaklah membentangkan

laporan Kajian Semula Persempadanan dan draf Perintah Persempadanan di hadapan Dewan Rakyat untuk mendapat sokongan tidak kurang daripada sesetengah daripada jumlah bilangan Ahli Dewan yang Mulia ini.

5. Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan ini mempunyai peranan yang penting apabila usul Perintah Persempadanan SPR ini dibentangkan kelak, sama ada untuk meluluskan atau menolaknya.

6. Perkara 113(2)(iii) Perlembagaan Persekutuan telah menetapkan bahawa kajian semula persempadanan ini hendaklah disiapkan dalam tempoh tidak melebihi dua tahun dari tarikh bermulanya kajian semula itu.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD BIN SAAD @
YAHAYA [POKOK SENA]

TARIKH : 21 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' HAJI AHMAD BIN SAAD @ YAHAYA [POKOK SENA] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status perkembangan terkini urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian Pilihan Raya.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menjalankan urusan kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya Persekutuan dan negeri berlandaskan kepada prinsip-prinsip dan tatacara persempadanan yang ditetapkan di bawah Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan serta menurut bidang kuasa SPR yang diperuntukkan di bawah Perkara 113, Perlembagaan Persekutuan.
2. Urusan kajian semula persempadanan terhadap bahagian-bahagian pilihan raya sedia ada, hanya boleh dilaksanakan selepas tamat lat tempoh 8 tahun atau terdapat pindaan undang-undang ke atas komposisi bilangan keanggotaan Ahli Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri.
3. Bagi maksud tersebut, lat tempoh 8 tahun bagi kajian semula persempadanan Negeri Sabah akan berakhir pada tahun 2025 manakala Negeri- Negeri Tanah Melayu akan berakhir pada tahun 2026. Lat tempoh 8 tahun bagi Negeri Sarawak telah pun berakhir pada tahun 2023 dan SPR sedang menimbang dan meneliti kesesuaian untuk melaksanakan urusan tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN ABDULLAH
[LANGKAWI]**

TARIKH : 21 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

**DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN ABDULLAH [LANGKAWI] minta
MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI
menyatakan apakah langkah-langkah untuk memperkasakan pemain
aeroangkasa tempatan dalam bidang MRO selepas berdepan
kemasukan pesaing seperti SIAEC.**

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) telah melaksanakan pelbagai program pembangunan bagi memperkasakan rantaian nilai industri aeroangkasa tempatan termasuklah untuk menarik pelaburan aeroangkasa berkualiti, meningkatkan nilai eksport, memacu aktiviti penyelidikan & pembangunan (*Research & Development*) aeroangkasa dan membangunkan bakat tempatan secara berterusan. Dengan menerapkan teknologi digital dan Industri 4.0, Malaysia akan terus berupaya untuk menempatkan diri sebagai hab dan peneraju utama industri aeroangkasa di rantau Asia Tenggara dan menjadi sebahagian rantaian bekalan utama dunia.
2. Selain itu, NAICO Malaysia dan MIDA juga telah mengembangkan kerjasama strategik bersama pihak *Original Equipment Manufacturer* (OEM) dan pembekal Tier-1 dalam usaha memperkukuhkan rantaian nilai tempatan menerusi seminar dan forum rantaian nilai serta sesi padanan perniagaan berterusan. Sebagai contoh, pelaksanaan program MyAERO Talent Johor di SMK Kota Masai 2, Johor bertujuan untuk menarik minat generasi muda bagi mendalami bidang aeroangkasa.
3. Kita boleh berbangga dengan hakikat bahawa Malaysia telah berjaya menarik lebih banyak pelaburan daripada pemain aeroangkasa global. Sebanyak 10 projek pelaburan telah diluluskan bermula tahun 2020 sehingga 2023 dengan nilai pelaburan berjumlah RM513.4 juta serta mewujudkan lebih 700 pekerjaan di dalam tempoh tersebut. Syarikat-syarikat industri aeroangkasa Malaysia juga telah berjaya membida pakej kerja baharu bagi sektor pembuatan aeroangkasa yang bernilai RM5.7 bilion dalam tempoh dua tahun selepas pandemik COVID-19 melanda dunia. Perkembangan positif ini turut disokong oleh projek-projek pembesaran perkhidmatan MRO bernilai lebih RM600 juta yang telah memasuki fasa pelaksanaan.

4. MITI kekal komited untuk memperkukuhkan industri aeroangkasa tempatan, khususnya dalam bidang penyelenggaraan, pembaikan, dan baik pulih (MRO) bagi memastikan kemampuan industri ini untuk bersaing di peringkat global bersama dengan pemain-pemain industri yang lain. Pelbagai inisiatif strategik telah digariskan menerusi Pelan Induk Industri Aeroangkasa Malaysia 2030 (MIAB 2030), Kerangka Industri Aeroangkasa di dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) serta Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) bagi memastikan pembangunan industri aeroangkasa yang berdaya saing dan mampan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KALAM BIN SALAN [SABAK BERNAM]

TARIKH : 21 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN KALAM BIN SALAN [SABAK BERNAM] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah bentuk pendidikan dan program latihan di bawah institusi pendidikan TVET yang sedang dijalankan untuk mempersiapkan graduan TVET yang memiliki kemahiran aras tinggi sejajar dengan pasaran semasa.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI,
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEMAJUAN DESA DAN
WILAYAH**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Melalui strategi komprehensif yang telah digariskan dalam Dasar TVET Negara 2030, graduan TVET berkualiti dapat dihasilkan melalui keseluruhan ekosistem TVET yang efektif merangkumi ketersediaan institusi/penyedia TVET yang cekap, tenaga pengajar yang kompeten serta kurikulum dan penyampaian program berfokuskan industri. Penambahbaikan mekanisme pelaksanaan TVET dilaksanakan secara komprehensif dan berterusan untuk memastikan bakal tenaga kerja yang dilatih memiliki kompetensi bertepatan dengan adaptasi teknologi terkini di industri.
2. Agenda pendigitalan pengajaran dan pembelajaran dalam program TVET telah dimulakan melalui adaptasi teknologi terkini seperti Kecerdasan Buatan (*Artificial Intelligence*), Internet Kebendaan (*Internet of Things*), Realiti Terimbuh (*Augmented Reality*), Perkomputeran Awan (*Cloud Computing*), Analisis Data Raya dan sebagainya. Pelaksanaan agenda pendigitalan ini penting untuk memastikan bakat negara tidak ketinggalan dalam arus pembangunan digital dan bergerak selari dengan hala tuju strategik negara-negara maju.
3. Selain itu, inisiatif pembangunan kurikulum berasaskan digital, peningkatan kemudahan infrastruktur digital, penggunaan teknologi pembelajaran terkini, dan program latihan dan pembangunan profesional tenaga pengajar turut diperluaskan sebagai langkah mempersiapkan graduan TVET dengan set kemahiran masa hadapan. Institusi TVET juga telah mula menawarkan program-program baharu yang berkaitan bermula di peringkat sijil hingga ke ijazah, di samping

mengintegrasikan program TVET sedia ada dengan kemahiran teknologi digital yang relevan.

4. Institusi TVET juga telah memulakan program latihan yang fleksibel dan berbentuk jangka pendek. Fleksibiliti program TVET juga dipertingkatkan dengan mempelbagaikan kaedah latihan seperti Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN), Program Perantisan, *Work Based Learning* (WBL) dan *Industrial Bootcamp*.
5. Mekanisme latihan yang dijalankan secara bersama antara institut latihan dan industri ini memfokuskan kepada pembangunan set kemahiran secara spesifik di tempat kerja. Menerusi pendekatan ini, peserta akan mendapat pendedahan lebih awal terhadap ekosistem tempat kerja sebenar dan bimbingan komprehensif khususnya berkaitan amali secara terus dari pengamal-pengamal industri.
6. Fleksibiliti pelaksanaan ini turut disokong dengan pengenalan program *micro credential* bagi membolehkan pelatih mendapat pengiktirafan terhadap setiap pencapaian yang diperolehi. Konsep *micro credential* ini membolehkan golongan sasaran merancang masa secara lebih dinamik untuk mengikuti program latihan dan membantu golongan ini untuk mendapatkan kemahiran bagi memasuki pasaran kerja dalam masa yang singkat sebagaimana menjadi kelaziman pada masa ini.

Sekian, terima kasih.